

**Bil. 1**

**Rabu  
20 Januari 2016**



**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Mengenai:**

**Kawalan Pengurusan Tadbir Urus  
1Malaysia Development Berhad (1MDB)**

**(Bahagian Kedua)**

- Kementerian Kewangan
- 1Malaysia Development Berhad: YBhg. Tan Sri Dato'  
Seri Lodin Wok Kamaruddin (Pengerusi)

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT**

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BLOK A  
BANGUNAN SEMENTARA, PARLIMEN MALAYSIA  
RABU, 20 JANUARI 2016**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Hasan bin Arifin [Rompin] - *Pengerusi*  
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
YB. Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]  
YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]  
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]  
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baharu]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]  
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]

**URUS SETIA**

Encik Mohd Sazali bin Mohd Zin [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan Rakyat)]  
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara]  
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Perundangan dan  
Prosiding (Pengurusan Dewan Rakyat)]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang [Ketua Audit Negara]  
YBhg. Datin Paduka Ong Swee Leng [Pengarah Audit Sektor Badan Berkanun Persekutuan]  
Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]  
Puan Lim Sok Kiang [Timbalan Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]  
Puan Nadhirah binti Abdul Wahab [Timbalan Pengarah (Audit Khas dan Penyelidikan)  
(Bahagian Kajian Khas)]  
Puan Farizah binti Harman [Ketua Penolong Pengarah Audit Badan Berkanun Persekutuan] (Syarikat 2)]  
Puan Nik Mazian binti Mohammad [Ketua Penolong Pengarah Audit Badan Berkanun  
Persekutuan (Kewangan 5)]  
Encik William Yapp Thou Kiong [Ketua Penolong Pengarah (Audit Khas dan Penyelidikan)  
(Bahagian Kajian Khas)]  
Puan Suraya binti Adnan [Penolong Pengarah Audit (Persekutuan) (Syarikat Kerajaan) II]  
Puan Nurul Hana binti Radzi [Penolong Pengarah Audit (Badan Berkanun Persekutuan) (Kewangan 2)]  
Puan Aziatul Akmam binti Atan [Penolong Pengarah Audit (Khas dan Penyelidikan)]

**Kementerian Kewangan**

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit (Parlimen dan Kabinet)]

*samb/-*

---

**HADIR BERSAMA** (samb/-)**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Encik Mansor bin Maizan [Timbalan Pengarah Kanan (TPBK(K)A)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi) (Perakaunan Persekutuan)]

**Unit Perancang Ekonomi**

Dr. Kamariah Noruddin [Pengarah (SIP)]

Encik Norwan Ahmad [Ketua Penolong Pengarah (SIP)]

**SAKSI-SAKSI****Kementerian Kewangan**

YBhg. Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)]

Encik Shahrol Anuwar bin Sarman [Setiausaha Sulit Kanan Ketua Setiausaha Perbendaharaan]

Encik Asri bin Hamidon [Setiausaha Bahagian (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Encik Ahmad Suhaimi bin Endut [Timbalan Setiausaha (Strategik & Am) (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Encik Mohd Hisyamuddin bin Awang Abu Bakar [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Encik Mohd Shihabuddin Mukhtar [Ketua Penolong Setiausaha (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Encik Iszad Jeffri Ismail [Ketua Penolong Setiausaha (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Encik Muhammad Khairul Fuadi bin Hamdan [Penolong Setiausaha (Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

**1Malaysia Development Berhad (1MDB)**

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin [Pengerusi]

Encik Ivan Chen [Ketua Perundangan]

Encik Zahid Taib [Pegawai Perhubungan Kerajaan]

Encik Elmie Abu Bakar [Pegawai Perhubungan Kerajaan]

YBhg. Datuk Tan Hock Chuan [Peguam]

Encik Ho You Chai [Ketua Komunikasi]

---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA****Rabu, 20 Januari 2016****Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.40 pagi***[Yang Berhormat Dato' Hasan bin Arifin **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Tuan Pengerusi:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi PAC; Ahli-ahli Yang Berhormat; Tan Sri Dato' Setia Ambrin, selaku *Auditor General*; pegawai-pegawai; dan kakitangan dari Jabatan Audit Negara; pegawai-pegawai dari Perbendaharaan. Lupa tadi. Yang Berbahagia Datuk Roosme, Setiausaha Dewan Rakyat.

Hari ini kita sambung lagi prosiding ke atas Yang Berbahagia Tan Sri. Kita harus menghabiskanlah hari ini kalau boleh. Kalau terpaksa sambung petang, kita sambung petang. Kalau boleh kita *complete* segala maklumat dengan sebanyak mungkin yang boleh kita dapat daripada Tan Sri untuk kita boleh membuat satu rumusan yang lebih adil dan tepat serta telus untuk kita bentangkan ke Parlimen. Semalam kita telah beri soalan-soalan, kita harap beliau dapat menjawab beberapa soalan. Sila panggil Tan Sri, Dato'.

*[Saksi-saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, pegawai dan kakitangan daripada Perbendaharaan, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin iaitu Pengerusi 1Malaysia Development Berhad (1MDB), pegawai dan kakitangan. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana dapat hadir hari yang kedua dan mungkin hari ini sampai ke petang. Kalau kita perlu habiskan, kita akan habiskan prosiding itu terhadap Tan Sri dan kita mulakanlah dengan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semalam. Persilakan.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin [Pengerusi 1Malaysia Development Berhad]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Hasan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, tuan-tuan dan puan-puan, hadirin sekalian.

Bagi menjawab Yang Berhormat, saya ambil yang mudah punya sedikit dahulu iaitu berkenaan dengan *conflict of interest* yang melibatkan diri saya di dalam 1MDB membuat keputusan-keputusan berkaitan dengan syarikat-syarikat atau agensi di mana saya memegang jawatan tertentu.

Di dalam semua mesyuarat yang melibatkan perbincangan seperti pembelian tanah di Tun Razak Exchange oleh Affin Bank. Saya tidak mengambil bahagian dan tidak berada dalam mesyuarat baik di peringkat Affin Bank mahupun di peringkat AFFIN Holdings. Begitu juga dengan lain-lain perkara di mana terdapat apa jua perbincangan berkenaan dengan kepentingan sesuatu pihak di mana saya terlibat, saya tidak terlibat dan meninggalkan bilik mesyuarat. Terima kasih.

Soalan kedua ialah berkenaan dengan pelaburan 1MDB dengan 1MDB PetroSaudi. Saya sempat menyemak laporan daripada Edward Morse berkenaan dengan pelaburan PetroSaudi di Turkmenistan dan di Argentina. Saya berpendapat bahawa laporan tersebut ada menyatakan bahawa *oil well* yang mereka buat kajian itu adalah seperti dimiliki atau di mana PetroSaudi miliki kepentingan mengikut laporan berkenaan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Di manakah?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Turkmenistan sama dengan Argentina...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ya, ya. Bahagian yang...

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, saya baca perenggan satu dalam *summary conclusion* laporan daripada Edward Morse dan Daniel Ahn. *This report provides an independence valuation of the hydrocarbon assets of PetroSaudi International Limited and its subsidiary companies. PSI assets consisted of the production licenses relating to Block 3 area in the Turkmenistan sector of the Caspian Sea, Laguna el Loro in Rio Negro, Argentina and Confluencia, Pampa Salamanca, San Bernardo, Rio Senguerr, Buen Pasto and Sierra Cuadrada in Chubut, Argentina.* Jadi kalau Yang Berhormat hendak, ini laporan yang saya ada dalam rekod saya berkenaan dengan ini.

**Dr. Tan Seng Giaw [Timbalan Pengerusi]:** Tuan Pengerusi, Edward Morse itu kumpulan *solicitors* tidak?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Maaf Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Edward Morse itu...

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Valuer*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *Valuer* ya?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yes.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tan Sri...

#### ■0950

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Boleh saya terus Yang Berhormat? Ya, okey. Jadi berkenaan dengan...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tan Sri sebelum itu, pendek sahaja.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yes, yes.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Mengenai laporan Edward Morse itu, tetapi hanya catatan sebegini sahaja dalam *summary* yang berkata bahawa aset ini berkaitan ataupun dimiliki oleh PetroSaudi. Tidak ada dokumen langsung yang diselidik ataupun dikaji mengenai pemilikan aset oleh PetroSaudi oleh 1MDB. Tidak ada yang lain ya? Akan tetapi... *[Disampuk]* Asal kita ada, kita ada. Memang hanya dalam laporan penilaian. Akan tetapi laporan penilaian ini walaupun ia sebut aset-aset ini bawah PetroSaudi tapi ia tidak memaparkan sebarang bukti ataupun dokumen bahawa aset ini merupakan aset milik PetroSaudi.

Sebab ini nampaknya bukan tugas utama Edward Morse lah. Edward Morse untuk penilaian sahaja. Dia bukan untuk selidik sama ada dokumen-dokumen semua *in order*. So pihak Lembaga Pengarah tidak meminta sebarang dokumen daripada pihak pengurusan untuk membuktikan perkara ini.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Tidak silap saya Lembaga Pengarah ada berjumpa dengan Edward Morse dan mereka boleh dikatakan autoriti yang dalam perkara *oil and gas* berasaskan kepada *background* laporan berkenaan mereka. Jadi saya tidak ingat pula sama ada kita ada meminta atau tidak.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Selalunya *due diligence*, perkara sebegini dibuat oleh pihak peguam. *The lawyers who are involved in the exercise they are carry out due diligence exercise.* Adakah pihak peguam diarahkan untuk menjalankan *due diligence* sebegini?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya sudah lama sangat Yang Berhormat, saya tidak ingat. Sorry lah ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Buat tidak?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya tidak ingatlah Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Pihak pengurusan?

**Encik Ivan Chen [Ketua Perundangan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB)]:** Yang Berhormat, *I am afraid I have to go back and check because I wasn't there at the material time.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Boleh saya teruskan Yang Berhormat? Ya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sebelum itu Tan Sri, Tuan Pengerusi. Saya melihat penilaian Morse ini berdasarkan kepada material yang dibagi kepada pihak Morse oleh pihak pengurusan PSI, JV company. Apakah jenis-jenis material itu? Adakah ahli Lembaga Pengarah telah bertanya kepada pihak yang berkenaan terutama pihak *management*? Adakah material itu memadai untuk mendapat gambaran atau penilaian yang agak singkat sekali *based on papers, the prudent valuation based on papers. So is that not of concern of the management?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, saya tidak boleh hendak beri pandangan bagi pihak *management*. Akan tetapi kalau dalam ingatan sayalah apabila kita panggil Edward Morse, itu banyak perkara dibincangkan dan banyak- *three technical staffs, and* mereka juga membuat dan memberikan pandangan berkenaan *valuation* berasaskan kepada kepakaran mereka berkenaan dengan kandungan minyak yang terdapat di dalam kawasan-kawasan berkenaan. Itu yang kalau tidak silap saya apa yang dibincangkan dalam perjumpaan itu.

*So, we have to accept their expertise and their experience and know how in this business.* Saya sendiri pun saya kata saya tidak ada pengalaman *in this kind of area*. So saya rasa Lembaga Pengarah telah membuat yang sebaiknya untuk mendapat kepastian bahawa pelaburan dengan PetroSaudi itu adalah berasaskan kepada laporan-laporan yang diterima daripada pakar-pakar seperti Edward Morse ini.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *At that time you are not the Chairman I think. The meeting was held on the 26th yang mana I think, you are the Chairman on 21st September.* Tan Sri Lodin yang menyatakan *their skeptical about the report okay. So they want a second opinion on the report. So at that time on 25th they suggested ten official value but because* jawapan daripada Arul yang bahawa kos untuk menilai tinggi maka diterimalah. *No second valuation are required based on Morse punya expertise, yang mana pengalaman Morse ini agak luas.*

*How do you conclude, that you rely on the cost that has been done very short and you were skeptical about that report.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]:** Tan Sri sebelum saya sambung perkara itu tadi. Dalam pendapat dan rekod-rekod menunjukkan *valuation report* yang dibuat oleh Edward Morse ini *was submitted on 29th September.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Diterima, diterima.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Ya. *This got inside with the date of it's appointment letter. It was appointed on the same date by 1MDB. The valuation report received was actually after the joint venture agreement was signed. So can you added to up your pendapat soalan daripada Yang Berhormat Putatan tadi. Can you explain this?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, saya semasa itu belum lagi Pengerusi. Ya, Tan Sri Bakke. Apa yang Lembaga Pengarah, pandangan yang diberikan adalah secara ikhlas dan *you know* dan *very transparent*. Sebab apa kita kalau tidak- dalam ingatan saya, kita belum berjumpa dengan Edward Morse kalau tidak silap dalam saya pada mesyuarat itu.

Jadi apabila Edward Morse dipanggil, itu yang pandangan itu berbeza sedikit. Walau bagaimanapun, kita telah memohon supaya pihak pengurusan mendapatkan *second valuation* yang mana telah dikemukakan kepada JV *company* iaitu *Petro partner* iaitu PetroSaudi. Akan tetapi saya kalau tidak silap dimaklumkan bahawa jika kita memerlukan *valuation* yang kedua, kita pihak 1MDB juga harus bersedia untuk menerima satu *valuation* yang mungkin lebih tinggi daripada apa yang dipersetujui awal.

Jadi inilah masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan seperti yang dimaklumkan dan mereka juga dimaklumkan bahawa pihak *partner* kita tidak rasa agak keraguan sedikit berkenaan dengan *sincerity* kita, *because the question of their trust* terhadap *the joint venture of partnership*. *So these were the two factors* kalau tidak silap saya yang disebutkan oleh pihak pengurusan apabila perkara ini dibincang ataupun dibangkitkan.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Tan Sri, *the board was informed that the JV will be with PetroSaudi International. Were you aware that the agreement was actually signed with PetroSaudi Holding (Cayman) Limited.*

■1000

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya kurang ingat Yang Berhormat *because it's quite sometimes back. But, it's a-* saya kurang pasti tentang perkara itu. Kita selalu PetroSaudi, PetroSaudi. Kita ingat ada satu sahaja PetroSaudi. *I have to go back and to check* balikkah.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi, saya agak terkejut dengan jawapan Tan Sri tadi sebab isu ini bukan, *this is not a fresh issue*. Isu ini telah dibangkitkan dalam masyarakat dan juga dalam Parlimen sendiri telah dibangkitkan. Saya tidak nampak kenapa Tan Sri nyatakan tidak pasti perkara ini *because from a legal point of view*, dua *company* yang mungkin nama seakan-akan sama tetapi mempunyai entiti yang berbeza, *it is a separate entity all together, it is a very big issue*. Minta penjelasan. Implikasi yang cukup besar daripada segi legal.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, saya kurang pastilah. Saya tidak boleh jawab soalan itu. Yang Berhormat, soalan berkenaan dengan pertukaran *auditor* yang dilakukan agak kerap. Saya difahamkan bahawa pertukaran *auditor* KPMG kepada Deloitte disebabkan, satu sebabnya ialah Syarikat Deloitte ini sebuah syarikat yang besar, mungkin yang terbesar, yang dapat melaksanakan audit bagi semua pemilikan harta dan syarikat-syarikat yang baru dimiliki oleh 1MDB seperti syarikat tenaga di Bangladesh, *Egypt* dan sebagainya. Itu adalah satu daripada sebab di mana *auditor* kita bertukar daripada KPMG kepada Deloitte, sebab *size*.

Kedua, mungkin ada sedikit pandangan yang berbeza apabila laporan audit disediakan tetapi perkara ini bukanlah perkara pokok pada Lembaga Pengarah. Ini satu keputusan Lembaga Pengarah dan dipersetujui oleh pemegang saham yang boleh dilakukan untuk memperkemaskan lagi urusan audit bagi 1MDB.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tan Sri, pertama sekali, alasan yang pertama atau faktor yang pertama yang diberikan untuk tukar *auditor* saya rasa langsung tidak boleh dipakai kerana sama ada Ernst & Young atau KPMG, mereka mengaudit syarikat-syarikat yang paling besar di seluruh dunia. Tidak kiralah sama ada Deloitte lebih besar atau KPMG lebih besar, mereka mengaudit syarikat-syarikat yang berbilion-bilion dolar lebih besar daripada 1MDB tanpa masalah di seluruh dunia. So, reputasi syarikat-syarikat tersebut boleh dikatakan *the same* lah, lebih kurang sama.

Kedua, adakah kedua-dua pihak *auditor* yang digugurkan, *Ernst & Young* dan juga *KPMG*, membentangkan masalah-masalah mereka ataupun pandangan mereka kepada pihak Lembaga Pengarah sebelum mereka digugurkan iaitu sebab-sebab mereka tidak dapat *signed off auditor accounts* dan apakah sebab-sebab itu?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Dalam ingatan saya, ada perjumpaan di antara firma-firma *auditor* yang disebut dengan *Audit Committee* di Lembaga Pengarah. Saya tidak terlibat dengan *Audit Committee*. Mungkin banyak perkara yang dibincangkan. *Audit Committee* ada membawa perkara-perkara ini kepada Lembaga Pengarah tetapi saya sendiri tidak berapa ingat juga perkara-perkara yang dibangkitkan.

Selain daripada perkara berkenaan dengan cara pelaburan ditaksirkan dalam *accounts* tetapi ada dua pendapat yang mengatakan cara yang diperlukan oleh sebuah firma mungkin berbeza dari firma yang lagi satu. *The facts that* apabila kita kata, umpamanya gugurkan *KPMG* dan *Deloitte* setuju untuk dilantik, *it is an indication that the* perkara-perkara yang dibangkitkan boleh diterima secara amnya oleh syarikat-syarikat firma audit. *The questions of interpretation, that's the way we look at it.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Waktu *management* lantik *Deloitte* untuk menyiasat satu perkara berkenaan dengan *interest* yang dikenakan kepada *government guaranteed project* yang melibatkan 5.75 peratus per *annum*, adakah hasil penyiasatan *Deloitte* yang dikemukakan kepada pihak pengurusan yang mana yang katakan *all government guaranteed projects normally charged, interest chargeable only about two to three percent only? So your management, your board asked Deloitte what's Deloitte investigate. What was the hasil of Deloitte investigation?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, saya tidak ada maklumat langsung tentang perkara ini. *Sorry*lah ya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, *the board* tak aware about- dalam ingatan saya, *this is not an issue*, dalam ingatan sayalah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, lampiran berapa?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Lampiran 19 ya? Di muka surat berapa, Yang Berhormat?

**Beberapa Ahli:** *[Berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]*

#### ■1010

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Item 10 Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Permintaan kepada Encik Azmi. *Board Meeting 20 December 2014.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Ya. Yang Berhormat, *this one is not on the appointment of auditor. This is... [Disampuk] No.* Ini berkenaan dengan...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Yes, correct. Azmi is the financial...*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ini salah soalan.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Ya, betul. Kita kluatir kita tak hendak bayar *interest rate* yang terlampau tinggi. Itu sebabnya *question* itu dibangkitkan.

**Tuan Pengerusi:** *Just to recap. Ernst and Young* dulu kan?



- Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Mula-mula E&Y Yang Berhormat.
- Tuan Pengerusi:** *Okay, what year? Tahun 2009 sampai?*
- Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *During the incorporation punya time Yang Berhormat.*
- Tuan Pengerusi:** Tak habis ya?
- Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Ya, *first auditor.*
- Tuan Pengerusi:** Tak habis?
- Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Ya, tak habis.
- Tuan Pengerusi:** Tukar KPMG?
- Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Tukar kepada KPMG. Dia audit selama tiga tahun. *Three financial years.*
- Tuan Pengerusi:** KPMG berapa tahun?
- Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Tiga *financial years.*
- Tuan Pengerusi:** Tahun 2009.
- Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Year 2009 to 2011.*
- Tuan Pengerusi:** *But 2009 is assigned by E&Y?*
- Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
- Tuan Pengerusi:** *So, KPMG 2009, 2010.*
- Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** 2012 kemudian Deloitte.
- Tuan Pengerusi:** Deloitte, 2013 sampai sekarang ya?
- Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Deloitte.
- Tuan Pengerusi:** Tahun 2014 yang belum lagi lah ya? Tahun 2015 belum lagi.
- Beberapa Ahli:** *[Berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]*
- Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Masa itu kalau tidak silap saya Yang Berhormat, Deloitte *is already our auditor.*
- Tuan Pengerusi:** *Just to recap. If I am not mistaken...*
- Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Ya, saya tidak berapa...
- Tuan Pengerusi:** Arul ada *mention* tak?
- Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Mungkin pengurusan lebih tahu dengan perkara itu.
- Tuan Pengerusi:** Arul ada *mention* ada satu *dispute* daripada segi- antara KPMG dengan pengurusan *about the valuation of oversea investment asset.* Arul kata, *they invite* KPMG ke luar negara.
- Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
- Tuan Pengerusi:** Masa itu KPMG. KPMG tidak...
- Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Kalau tidak silap saya Yang Berhormat, *I think-* itu saya kata sebagaimana saya sebutkan awal tadi, perbezaan pendapat daripada segi pentakrifan *investment.* Jadi KPMG, saya dimaklumkan dijemput untuk membuat lawatan ke Hong Kong untuk memastikan pelaburan di sana itu. Akan tetapi mereka tidak hantar. *Preparation* sudah dibuat semua tetapi mereka tidak hantar pegawai untuk membuat semakan.
- Macam Deloitte Yang Berhormat, *Board* buat *arrangement for them to go to* Lugano, Switzerland berjumpa dengan BSI. Saya sendiri ada pergi dan *Board* semua *then* Deloitte membawa *auditor, auditing team* mereka pergi ke Lugano dan berjumpa dengan BSI untuk mengesahkan pelaburan yang dibuat melalui BSI. Akan tetapi malangnya KPMG bila kita jemput untuk pergi ke Hong Kong itu, saya difahamkan tidak dilakukan. *So, this is the*

*differing*, cara di antara KPMG dan Deloitte yang mana *Board* berpendapat eloklah dilantik Deloitte untuk melaksanakan audit.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Yang disebutkan Tan Sri Lodin itu tahun berapa?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang pergi ke Lugano?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tahun 2013.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Masa kita *about to change*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tahun 2013.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Ya, 2013.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tahun 2013.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yes 2013.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tan Sri, sebab kita sebelum ini ada menjemput KPMG dan Deloitte kedua-dua datang ke sini untuk memberikan maklumat. Kita faham daripada pihak KPMG ialah mereka telah pun meminta daripada pihak pengurusan untuk berjumpa dengan *fund manager* dan bukan *custodian bank*. *Custodian bank* maksudnya BSI lah.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yes, yes.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Hanya macam bank simpanan, simpanan aset tersebut. Akan tetapi pihak pengurusan bagi pelaburan Cayman Island yang mereka hendak jumpa Bridge Capital, mereka tidak dapat berjumpa dengan pihak *investment manager*. Itu antara sebabnya mereka tidak mengesahkan pelaburan tersebut. Selepas itu, pihak Deloitte ambil alih, mereka memang ada jumpa dengan BSI Bank tetapi mereka juga tidak jumpa dengan Bridge Capital tetapi kali ini mereka mendapat satu jaminan pelaburan tersebut yang dibuat oleh *Aabar Investment*. So, *Aabar Investment* menjamin pelaburan yang dibuat oleh 1MDB dalam *investment funds in Cayman Island*. Adakah pihak Lembaga Pengarah sedar mengenai percanggahan dalam perkara ini antara KPMG dan Deloitte?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya tidak ingat Yang Berhormat, saya rasa- saya tak ingat tentang perkara ini. Apa yang saya tahu, itu yang saya sebutkanlah tadi berkenaan dengan...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ini kerana...

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Itu yang dibawa kepada Lembaga Pengarah, yang dibincangkan oleh pihak pengurusan, *I am not privy to it*, maaf.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ini kerana perkara sebuah *auditor* digugurkan merupakan satu perkara yang penting dan merupakan satu perkara yang akan ditumpukan perhatian oleh semua pihak. Tentu Lembaga Pengarah ada tanya kepada KPMG kenapa tidak hendak mengiktiraf nilai kepada pelaburan Cayman Island tersebut. So, ada atau tidak *check* sebegitu oleh pihak Lembaga Pengarah? *I mean that is the role of the Board of Directors*.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya tidak boleh ingat Yang Berhormat. Itu *responsibility of* pengurusan untuk menyemak.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No, it is the responsibility of the Board to check because* pengurusan kata tak hendaklah *but shouldn't the Board as the guardians of the company* membuat semakan ke atas tindakan tersebut. Ini kerana dalam Minit Mesyuarat yang diperoleh, tidak ada perbincangan sebegitu dalam Lembaga Pengarah. Macam tidak kisah sahaja.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Bukan. Kita Lembaga Pengarah ada *Audit Committee* dan perkara-perkara yang *more detailed* mungkin dibincangkan oleh *Audit Committee*. Jadi perkara yang agak material akan dibawa kepada *Board*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Audit Committee* kena bincang, betul. Akan tetapi Lembaga Pengarah yang buat keputusan.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Betul.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kita lihat sekarang hanya satu *Circular Resolution* yang dibuat untuk menggugurkan KPMG dan juga E&Y sebelum itu. Saya hanya hendak tanya Lembaga Pengarah ada bincang perkara ini dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk mengambil keputusan. Minit memang tidak ada.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tan Sri Lodin...

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Biasanya Yang Berhormat, sebelum kita membuat keputusan kita akan adakan perbincangan. Sama ada perbincangan itu direkodkan atau tidak. Saya kurang pasti, kurang ingat sama ada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu ada dibincangkan atau tidak. *I have to go back and check my record*, Yang Berhormat.

■1020

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Okey, seterusnya mengenai isu di mana pelaburan Cayman itu yang kita lihat dari Minit lah. Yang kita ada hanya minit. So, kita hanya boleh baca minit. Tidak pernah dibangkitkan bahawa pelaburan itu dijamin oleh Aabar Investment. Adakah pihak Lembaga Pengarah sedar mengenai pelaburan itu dijamin oleh Aabar Investment?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Boleh Yang Berhormat *repeat the question?*

**Tuan Tony Pua Kiam:** Pelaburan yang ada di Cayman dilaburkan pada tahun 2012. *Is it- 2012 right?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:**Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Adakah pihak pengurusan memberitahu kepada pihak pengarah sama ada pelaburan yang dibuat itu dijamin oleh Aabar Investment ataupun ini merupakan satu perkara *subsequent* hanya selepas Deloitte dilantik baru ada jaminan tersebut ataupun perkara ini tidak pernah bangkit dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, saya tidak ingat berkenaan perkara ini Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No, the investment is still there...*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Yes, but...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *But part of the investment is still...*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Sama ada dijamin sebelum atau selepas tetapi pengurusan maklumkan ini dijamin oleh Aabar. Itu betul tetapi saya tidak ingatkan sama ada *before or after*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Okey, adakah Lembaga Pengarah tahu, entiti mana yang menjamin pelaburan tersebut sebab sekarang mengikut penjelasan yang diberikan oleh Arul sebelum ini, memang 1MDB ada urusan dengan satu entiti Aabar Investment PJS Limited yang bukannya berasal daripada UAE tetapi ditubuhkan kalau tidak salah British Virgin Islands. So, adakah jaminan ini diberikan oleh syarikat British Virgin Islands ataupun anak syarikat kepada IPIC iaitu anak syarikat Kerajaan Abu Dhabi.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, saya tidak pasti. *I'm not really to this information* tetapi apa yang saya dimaklumkan bahawa semua aset ini, *financial asset* ini telah dikumpulkan dan dijadikan sebagai bahan-bahan untuk pertukaran *cash, asset for cash swap* dengan IPIC iaitu *sovereign wealth fund of UAE*. Itu yang saya tahu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *That one will follow up and ask later.* Sebab ini perkara penting sebab pihak yang menjamin merupakan pihak yang dapat meyakinkan 1MDB ataupun kerajaan sebagai pemegang saham. So, kalau pihak yang menjamin itu memang anak syarikat kepada Kerajaan Abu Dhabi so kita relax sedikitlah.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Betul, tetapi saya tidak pasti Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Bukankah itu penting bagi Lembaga Pengarah to find out?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *But this was...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *You should be concern whether your investment is realizable or not.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Well* Yang Berhormat, semasa kita berbincang itu *this issue was not there.* Ini pelaburan dalam Cayman yang mana separuhnya telah ditukar kepada kewangan dan separuh lagi unit. Unit ini yang telah disatukan sebagai *term binding agreement* dengan IPIC.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No,* ini perkara kemudian. *We will come to that later.* So, semasa pelaburan dibuat ke dalam satu pelaburan di Cayman Islands yang pada masa itu pun dipertikaikan kerana ia merupakan dana yang tidak diiktiraf pada masa itu dan satu pelaburan yang cukup besar dalam sebuah syarikat yang langsung tidak pernah orang dengar. Bukan Templeton, bukan UBS dan bukan bank-bank besarlah. Sebuah syarikat yang tidak pernah dengar. So, tak kan Lembaga Pengarah *not concern* mengenai perkara itu. *Shouldn't this issue has been discuss in the Board Meetings?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, kalau tidak ada perkara itu, *it is just a speculation or just said then* susah bagi kita untuk membincangkan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Bukan, bukan. 1MDB melaburkan sebanyak USD2.3 bilion. Ini bukan angka yang kecil, lebih kurang RM8 billion, RM7 billion lebihlah pada masa itu. Dalam satu *investment fund* yang tidak ada orang kenal dan pada masa itu tidak diiktiraf oleh mana-mana pihak. *That's not a concern to Board of Directors?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, sebagaimana saya sebut semalam, *Board of Directors is concern about mitigating risk.* Jadi, apabila kita ubahkan daripada *investment in PetroSaudi* kepada *Murabaha notes* itu, *there is a step towards mitigating.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Why didn't we invest 2.3 billion* katakanlah hendak *invest* dalam *investment fund.* *Invest with HSBC kah, UBS kah, Morgan Stanley fund kah* dan kepada sebuah syarikat yang tidak diiktiraf pada masa itu. *It's not even license at the point of time that they were managing the fund. Is that not a concern? To minimize risk, we should at least invest in more establish players. Establish players* pun kita tahu boleh tumbang tetapi sekurang-kurangnya *establish players the risk is lower. So, mitigating risk to involved that.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *Chairman, just want to add in this discussion- is the JV with his-* ini memang, *Tan Sri, you are the Board of Directors- of our PM in the-* dalam masa yang singkat begitu sebagai Ahli Lembaga Pengarah waktu itu, pertanyaan daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara itu memang sukar *on that particulars situation. So, whether the risk about this venture argreement JV* antara PSI yang mana surat baru diterima daripada cadangan- bila melihat *the company, it was just registered on that 18 September. Yes, before that.*

*You can put yourself in that situation as Lembaga Pengarah, what can you do? What will you do at that particular time when you dealing with the government to government. I can put Tan Sri punya...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ini sudah bukan *government to government* dah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *When assume because it was King Abdullah first...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No, no. We have already sold.* Kita dapat wang, so wang itu kita hendak labur dekat mana? *So, it's nothing to do in government anymore. It's now 1MDB's money,* kita sudah jual. Mereka bayar

balik wang 2.3 billion. Kita ada 2.3 billion kita hendak labur dekat mana? Labur dekat Cayman kah, United States kah, Singapore kah dengan syarikat apa. Itu keputusan 1MDB.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tuan Pengerusi, *yesterday I brought a question Tan Sri. I brought a question, I tanya whether PetroSaudi, Aabar and IPIC are actually know reputable company to deal with.* Semalam saya tanya soalan itu. *And* apa keadaan dia sekarang pasal telah menjadi perbualan ramai. Apa pandangan Tan Sri sekarang tentang syarikat-syarikat yang kita sebutkan tadi PetroSaudi, IPIC, Aabar ini. *Whether they are actually now reputable or either one? Whether there have already you know* yang dia sudah betul-betul-setiap benda perjanjian dia itu dia tidak ingkar. Tidak mengingkari perjanjian itu.

■1030

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tan Sri, sebagai tambahan kepada Yang Berhormat Jasin tadi. Kita telah melihat lampiran-lampiran yang telah dibekalkan oleh audit dan juga *interim report* kepada kita ini. Boleh Tan Sri jelaskan sedikit kenapa dalam proses *decision making* oleh Lembaga Pengarah ini lebih banyak berbentuk *circular resolution* berbanding dengan resolusi mesyuarat? Seolah-olah, sebagaimana Tan Sri sebut tadi, *with due respect*, banyak perbincangan di luar mesyuarat kemudian dibawa dalam mesyuarat *Board* tetapi dokumen menunjukkan terlalu banyak *circular resolution*, bukan *resolution* dalam mesyuarat. Boleh jelaskan itu? Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, pertamanya kalau kita tengok IPIC, ia sebuah syarikat *sovereign wealth fund* Abu Dhabi dan Aabar anak syarikat kepada IPIC. Bagi pihak PetroSaudi, sebagaimana yang saya sebut semalam, adalah syarikat yang dimiliki oleh *Prince Turki*, anak kepada *King Abdullah*.

Pelaburan dibuat berasaskan kepada perbincangan, perjanjian yang dimeterai antara pemimpin-pemimpin negara-negara berkenaan dengan pemimpin negara kita. Umpamanya, semasa perjanjian ditandatangani di antara Abu Dhabi dengan 1MDB, saya yang menandatangani MoU di hadapan *Crown Prince of Abu Dhabi* dan Perdana Menteri kita.

So daripada segi kesahihan syarikat-syarikat yang dikenal pasti oleh negara-negara berkenaan dan tujuan dan hasrat kerajaan untuk menubuhkan kerjasama dan persefahaman melalui 1MDB, saya rasa itu perkara yang saya boleh sahkan memang diperakui. Akan tetapi masalahnya, di dalam melaksanakan projek-projek seperti yang telah dikenal pasti dengan syarikat-syarikat yang berkenaan, memang banyak cabaran terutama apabila kita berurusan dengan syarikat-syarikat di negara-negara Arab. Saya tidak mengatakan mudah. Cara mereka membuat keputusan, cara mereka melaksanakan operasi mereka berbeza daripada kita.

Ini daripada pengalaman saya sendiri sebagai pengarah di Affin Bank, banyak pelanggan kita yang membuat urusan dengan syarikat-syarikat di negara Arab mendapati sukar untuk menjalinkan perhubungan yang baik dengan mereka ini. Saya boleh *mention* empat, lima *company* yang telah menghadapi masalah daripada segi pengesahan perjanjian, daripada segi mendapat bayaran, kontrak sudah bagi kadang-kadang setahun pun tidak dapat bayar lagi. *So, I don't want to be-* tak nak cakap panjang lebar sangat berkenaan dengan itu tetapi ini adalah sebahagian daripada masalah yang dihadapi oleh 1MDB apabila kita berurusan dengan syarikat-syarikat seperti IPIC, Aabar dan juga PetroSaudi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tan Sri, saya ingat Tan Sri, *that was done many years ago but, I want to know now, up to this level, whether all these companies, I was asking just now, whether* daripada segi *they honor their words?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, masalahnya masa kadang-kadang *and the* kita memang menghadapi masalah tetapi makan masa. *But, alhamdulillah*, kebanyakannya *delivered what they promised*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, adakah ini bermakna- saya setuju kalau hendak berniaga dengan Arab ini memang susah. Memang susah, daripada bertahun-tahun lagi. Adakah ini bermakna apabila kita pilih *Cayman Islands* ini, ini daripada pihak Arab, daripada pihak PetroSaudi ataupun daripada pihak Abu Dhabi, bukan daripada kita sendiri dan kita pun tidak menyemak sama ada ini betul ataupun tidak? Kita serahkan nasibnya kepada mereka sahaja.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, bagi Lembaga Pengarah, kita banyak bergantung kepada pengurusan untuk membuat semakan dan sebagainya. Kita difahamkan bahawa banyak pembayaran perlu dibuat ke atas pinjaman kita dalam US Dolar. Jadi satu cara untuk membayar balik prinsipal dan juga membayar *interest*, eloklah wang ini disimpan *in US Dollar* dan Cayman telah dikenal pasti kerana itu adalah tempat di mana pelabur-pelabur dapat mengelak daripada bayaran cukai yang berlebihan.

Jadi Lembaga Pengarah mengambil pendirian menyerahkan kepada pengurusan untuk melaburkan wang yang kita perolehi daripada pelaburan kita dengan PetroSaudi sebagai untuk menantikan ataupun untuk sementara untuk digunakan dan kemudian untuk membayar hutang-hutang dalam bentuk *US Dollar*.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tan Sri, daripada *statement* atau kenyataan Tan Sri tadi, dengan penuh hormat ya, saya nampak macam ada benarnya satu *finding* ataupun dapatan daripada Audit yang mengulas mengenai pengurusan pelaburan oleh 1MDB dan kumpulan ini yang berbunyi... [*Membaca petikan*] "*Banyak keputusan penting dalam pelaburan dibuat oleh pengurusan 1MDB sebelum mendapat kelulusan Lembaga Pengarah seolah-olah membelakangkan peranan Lembaga Pengarah atau keputusan utama dipengaruhi oleh pihak lain.*"

Dan disambung... [*Membaca petikan*] "*Didapati banyak peristiwa membuktikan arahan Lembaga Pengarah tidak dipatuhi oleh pengurusan 1MDB menunjukkan kelemahan komunikasi antara pihak pengurusan dengan Lembaga Pengarah.*"

Jadi mungkin beginilah keadaan yang disebut oleh Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, Lembaga Pengarah ini ialah *part time*-bukan *part time, just non-executive* [*Ketawa*] Jadi, mengendalikan urusan syarikat pelaburan kerajaan macam 1MDB ini bukan mudah. *Decision got to be made and got to be made very fast sometimes*.

Jadi bukan Lembaga Pengarah hendak mengelakkan diri daripada membuat keputusan tetapi oleh sebab kita telah menubuhkan 1MDB dan kita mengambil mereka yang berkelayakan dan berpengalaman- kalau tengok *profile of senior executive* itu, macam-macam *background* dan pengalaman. Jadi dalam mesyuarat Lembaga Pengarah, kita membincangkan berkenaan perkara-perkara yang pokok tetapi daripada segi *detailing, implementation* itu kebanyakannya memang kita serahkan kepada pihak pengurusan. Akan tetapi, tidak juga melepaskan *completely* kepada pihak pengurusan, *there is proper check and balance*. Kita ada *Internal Audit* dan *Risk Committee* yang juga membuat penyemakan berkenaan dengan keputusan yang dibuat. *There is proper structure* dan *check and balance* yang diwujudkan juga daripada segi pelaksanaan keputusan yang dibuat.

Kita mengambil sikap jika pihak pengurusan membuat sesuatu yang bertentangan dengan kita punya *standard operating procedure* dengan kita punya *management operation structure* dan sebagainya, jadi mereka kenalah, kalau buat kesalahan, kena tanggung apa jua kesalahan yang dibuat.

## ■1040

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kita tengok *the chart, the flow of money*, jadi sekarang ini macam Yang Berhormat Petaling Jaya Utara cakap RM2.3 bilion ini *at the end of the day* setelah apa yang tak jadi semua ini, dia *park at USD940 million* dekat apa? Dekat Cayman Island masih ada bukan?... [Disampuk] Cayman Island tak ada dah bukan? Siapa tu, *Singapore*?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Singapore.*

**Tuan Pengerusi:** *Singapore* dan BSI...

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *BSI and custodian bank, unit...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Custodian? So, unit masih diuruskan oleh siapa?*

**Tuan Pengerusi:** BSI Bank?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Yes...*

**Tuan Pengerusi:** *I want to know this one. Saya tak ada detail tetapi yang saya difahamkan in units, BSI as the custodian bank.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Akan tetapi takkan Lembaga Pengarah tak pernah tanya, siapa yang tengah mengurus unit ini?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Kita dimaklumkan dulu, *it was...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Who is the fund manager?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Fund manager...*

**Tuan Pengerusi:** *Custodian* jaminan daripada BSI?

**Beberapa Ahli:** [Berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Pengerusi:** RM2.4 bilion lagi, manakah dia? Kita tengok...

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya difahamkan *USD940 million* sahaja yang masih belum *redeem* lagi, yang lain sudah *redeem*.

**Tuan Pengerusi:** Sudah *redeem* lah? Yang lain dah *redeem* lah.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *So, USD940 million now is manage by who?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Now* Yang Berhormat, *this is part of the cash, assets for cash swap agreement, term sheet binding agreement* yang...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Itu *subsequent*. Akan tetapi sebelum itu akan diselesaikan, *completed may be by June this year*, bukan? Kita pun tahu. *So, at the moment, those unit* dimiliki oleh 1MDB.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ia dalam bentuk unit. Maksudnya dia masih dalam satu *investment fund*. Kalau tak, sudah tunai ataupun asetlah.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *So, unit means it still in the investment fund.* Siapakah yang menguruskan *investment fund* ini sekarang?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya kurang pasti, akan *check* Yang Berhormat. *I will come back to your...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Pihak pengurusan? Takkan tak tahu siapa yang *manage*?

**Encik Ivan Chen:** Yang Berhormat, *this is a matter under finance, it is not under legal.*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *Managing the fund, who manage the fund? But I still remember, actually* apa yang diterangkan oleh...

**Dato' Dr. Mohd. Isa bin Hussain:** Tuan Pengerusi, yang hari ini kita- Tuan Pengerusi, *let me clear this.* Hari ini kita dengan *Chairman 1MDB.* Saya perhatikan banyak soalan mengenai pengurusan. *So, I think this is not fair for our Chairman to response to that questions.* Sepatutnya masa Arul datang hari itu...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tak, Dato', saya faham daripada segi teknikal mungkin kena bantuan daripada pengurusan.

**Dato' Dr. Mohd. Isa bin Hussain:** *So, I think our officer yang datang hari ini pun more on legal.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *I think,* soalan yang kita tanya kenapa Lembaga Pengarah tak tanya soalan-soalan sebegini?

**Dato' Dr. Mohd. Isa bin Hussain:** *I think normally at board level, we go on the very- decision.* So masa Arul hari itu...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ini soalan yang patut dibuka, sebahagianlah.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** *But actually what Arul commented now, this point on RM2.3 billion, actually now...*

**Dato' Dr. Mohd. Isa bin Hussain:** *So I think, we have to focus on...*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Nanti sekejap. *Under custodian but actually not recommended by BSI, the Italian bank.* Macam mana...

**Dato' Dr. Mohd. Isa bin Hussain:** Tuan Pengerusi, saya rasa masa kita bincang dengan Arul hari itu, semasa dia *show this diagram, I think Arul... explain this issue.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya nak, saya hanya hendak, *I do not want to prolong this matter.* Kalau Tan Sri tak dapat jawab memang tak dapat jawab. Saya hanya kata bahawa soalan-soalan ini sepatutnya dibangkit oleh Lembaga Pengarah kerana Lembaga Pengarah *has a duty to make sure our fund are properly manage and whether they are properly manage or not, that is a pengurusan problem. But the question were not even raised by the board of directors.* Arul hari itu tak jawab siapa yang menjadi *investment manager.*

Soalan ini sepatutnya ditanya kepada Arul dan juga kepada Sharul sebelum itu. banyak soalan yang saya bangkitkan sebelum ini sepatutnya ditanya kepada encik Sharul, Datuk Sharul sekarang. *So, I don't have a problem, the focus is how come the board of directors tak jalankan tugas mereka untuk membangkitkan soalan-soalan ini? Last point dalam perkara ini, I do not want to extend this thing, we invested 2.3 billion in Cayman.* Telah dibuktikan dalam siasatan audit bahawa *we invested in middle of,* lebih kurang *middle of 2012 tetapi the investment fund* hanya dapat lesen untuk mengurus *investment fund* pada Disember 2013. Adakah perkara ini wajar atau tidak bagi pihak Lembaga Pengarah *or is this a serious breach?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, saya tak boleh jawab pasal saya tak ingat apa yang, perkara ini...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No, no,* kita dah bagi fakta. Fakta sudah ada di depan kita dalam Laporan Interim, okey. Pelaburan telah pun dibuat pada lebih kurang pertengahan 2012, lesen bagi pihak pengurus pelaburan hanya diperoleh hujung tahun 2013. Adakah perkara ini merupakan satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku dan satu *breach* yang cukup serius?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *I cannot comment on this* Yang Berhormat *because* kita tak bangkitkan perkara ini dan apa yang mustahak kepada Lembaga Pengarah ialah untuk memastikan yang dapat semula duit ini, diperoleh balik oleh 1MDB.



**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Okay, on this issue, I move on.*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Sekejap saya rekod. Kita hendak *move* kepada...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebelum kita pergi ke perkara yang lain, di manakah wang ini sekarang?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, sebahagian telah diperoleh oleh 1MDB balik, USD940 juta...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sekarang di mana?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Tak disimpan. Kita gunakan untuk bayar *interest*, bagi hutang-hutang wang yang dipinjam oleh 1MDB.

**Tuan Pengerusi:** Ya sebagai ini, saya pun dah masalah perkara ini. "*Dung dang, dung dang, dung dang*" sana, sini *and then at the end of the day*, USD2.3 billion, RM940 million masih kekal, yang lain itu dah *spend*?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Untuk belanja sana, sini, bayar *interest* ini dan lain-lain, PetroSaudi punya *investment* ini, akhirnya berakhirnya dengan RM940 million yang masih dalam bentuk unit dan di *park at Singapore, BSI Bank*. *This is* yang PetroSaudi punya, itu yang- okey, tadi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat berhubung dengan *management* itu harus diambil perhatian oleh pengurusan ya, siapa mengurus, adakah terlibat daripada segi *cash swap* dan semua sekalilah. *Okey, next*, kita habislah PetroSaudi ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Belum, PetroSaudi ada satu lagi tetapi bukan tentang Caymand Island. 1MDB telah pun membuat bayaran 700 juta kepada sebuah syarikat Good Star Limited yang ini sebelum ini telah pun dapat tahu. Adakah Lembaga Pengarah dimaklumkan ataupun tahu, mengambil tahu siapakah pemilik Good Star Limited ini?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya tak ingat, kita tak tahu Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** *No, no-* ini saya ingat keluar dalam *Wall Street Journal*. Bayaran yang mana itu?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Bayaran pelaburan oleh 1MDB kepada syarikat usaha sama bersama dengan PetroSaudi.

**Tuan Pengerusi:** Sudah bayar atau... *[Disampuk]*

#### ■1050

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No. I can ask.* Biar jawapan samalah, tidak apa. *I am just asking whether* Lembaga Pengarah mengambil tahu sahaja. *So are you aware because this was questioned in the Board Meeting on the 3<sup>rd</sup> October. So the Board was unhappy that USD700 million was paid to Good Star Limited and the board wanted the fund to be return, pay to the joint venture and joint venture can do what they want with the money. So, is the board aware of who are the owner of Good Star Limited?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Kami difahamkan *this is* dimiliki oleh PSI atau PetroSaudi. Ini telah disahkan oleh PetroSaudi sebagai *you know*, mereka mengesahkan penerimaan 700 ini sebagai sebahagian daripada bayaran untuk sumbangan kita bagi...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Bukan. Mereka mengesahkan 700 sebagai bayaran. So, adakah mereka...

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Penerimaan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Adakah mereka mengesahkan dengan dokumentasi bahawa Good Star Limited merupakan anak syarikat kepada PetroSaudi?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Ada. *According to our* ini ada disahkan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Bilakah pengesahan tersebut? Boleh tidak kita dapatkan sesalinan?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Kita akan semak dan kita akan sampaikan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Salinan ya. Okey.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Salinan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Okey.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Nilai yang *700 million which was actually raised by Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi, is it part of the 2.3 billion?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, itu sebahagiannya tetapi sebahagian daripada *USD1 billion* yang patut kita bayar sebagai sumbangan kita kepada *paid-up capital of 1MDB PetroSaudi*.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *With initial payment and that payment has it been redeemed?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Itu adalah sebahagian daripada *2.3 billion* yang telah di *redeem*.

**Tuan Pengerusi:** Cuma Yang Berhormat Petaling Jaya *interested*, dia sudah faham begini, akhirnya duit itu- cuma dia tanya soal-soal *governance, corporate governance*. Cuma duit itu yang saya cakap tadi, akhirnya dekat *940 million* tadi. Cuma Yang Berhormat Petaling Jaya Utara daripada segi *corporate governance*.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi, *related question*. Semalam pun saya minta supaya pihak Tan Sri sediakan jawapan, tetapi ini ada kaitan dengan ini. Saya tengok dalam *report*, selepas Mr. Low Taek Jho dilantik pada 8 April 2009, dalam satu Lampiran 41 dalam ini, Mesyuarat Seksyen Pembiayaan Bahagian Pengurusan Pinjaman Pasaran Kewangan dan *actually* laporan mesyuarat, mesyuarat mengenai TIA, kehadiran di sini Mr. Low Taek Jho, Penasihat kepada Pengerusi TIA *Board of Advisor*. Atas kapasiti apa beliau boleh hadir dalam mesyuarat ini?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya tidak pasti. Saya tidak terlibat...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ada dalam ini. Ada dalam minit ini.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *But* saya tidak ada *you know*, masa itu saya tidak terlibat...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ya, ya. Ini bukan mesyuarat *Board Meeting*. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian BPKA, mungkin di MoF tetapi beliau hadir sebagai Penasihat kepada Pengerusi TIA *Board of Advisor*.

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** Yang Berhormat, *I think* yang mesyuarat itu di MoF, tidak ada kena-mengena dengan Cayman or 1MDB. *I think that's why* saya beritahu tadi Yang Berhormat, *can we focus our question. Today is a session with Chairman 1MDB, why you raised all the questions then...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Dato', *don't tell us what to ask, please*.

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** *No. But now you are having a Chairman of 1MDB. Why not we use all this time and ask all questions...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *It is relevant. So it is relevant, dia...*

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** *Because your question right now...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Itu TIA. *That is for...*

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** Itu yang *question* yang MoF tadi, *I think why you read that question. I* tidak faham.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Dato', *will you respect to you, I pun pernah duduk dalam chairmanship* dengan *board* semua. Itu...

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** *I agree with you* Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Sekejaplah. Kita tanya ini sebab ini sepatutnya dalam tanggungjawab, *responsibility of the Board of Director*.

**Tuan Pengerusi:** So, kita ambil macam ini senang...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tidak apa. Tidak apa. Tadi itu kehadiran dalam mesyuarat masa April sebelum Tan Sri jadi Pengarah. Kita pun bila maklumkan bahawa Low Taek Jho ada hadir pada mesyuarat sebelum perjanjian PetroSaudi ditandatangani. Sudah dikesan oleh pihak pengurusan juga sebelum ini. Jadi, apakah sebab beliau hadir dalam mesyuarat sebelum perjanjian PetroSaudi ditandatangani?

**Tuan Pengerusi:** Tidak. Saya...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Pada 26 September.

**Tuan Pengerusi:** Bukankah tertulis di situ sebagai penasihat kepada...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Bukan, itu *27 of April*. So sekarang mesyuarat *26 of September*. Apakah kapasiti dia?

**Tuan Pengerusi:** Dahulu telah dijawab oleh Encik Arul saya rasa, sebagai wakil Turki, *Prince Turkey*.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, saya tidak tahu apa yang berlaku pada April. Akan tetapi kalau tidak saya, *26<sup>th</sup> September* itu dia hadir sekejap sahaja. *He said he was representing the Royal family of Saudi Arabia*.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Itulah soalnya Tan Sri. Dalam satu orang dalam dua kapasiti yang berbeza dan *conflict to each other*. Itu soalnya.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Minta maaf Yang Berhormat, saya tidak...

**Tuan Pengerusi:** *No, no. I* ingat kita begini. *We have to be clear in mind that TIA and 1MDB* walaupun *incorporated* sama, tetapi *different shareholder at all together*. *Shareholder is different* walaupun nama pun sudah ubah, *shareholder* pun sudah ubah. So kita tidak boleh mengambil satu *to relate* TIA dengan 1MDB. Saya ingat...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tidak. *Shareholder*...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi, saya hendak *clarify*, saya terasa sedikit sebab kita ditegur oleh pegawai. Kami ini walaupun pembangkang *to be frank with you, we try to be fair to the government*. Inilah soalan yang ditanya oleh rakyat jelata di bawah. Kalau kami tidak *clarify* di sini, mana lagi tempat hendak *clarify*. Kami tidak ada hak untuk masuk mesyuarat kerajaan.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Tidak apalah itu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Itu saya rasa kena...

**Tuan Pengerusi:** Cuma saya hendak, TIA dengan 1MDB walaupun *incorporated with the same M&A, but the owner* sudah berbeza.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tidak. Tuan Pengerusi, *actually that is not true*. Dalam sebuah syarikat, *shareholder* boleh ubah tetapi *letter appointment for the CEO* kekal. Terus kekal. *So you can sell your company* kepada sesiapa pun, tetapi *your appointment letter to the CEO* kekal. So, soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Kota Bharu memang *valid*.

**Tuan Pengerusi:** *No, TIA and- TIA... [Disampuk] But shareholder is different already*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kalau saya CEO *company*, bos saya dia jual kepada satu syarikat yang lain, saya masih CEO *company*.

**Tuan Pengerusi:** Ya, masih sama.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** So, sama. Sekarang dia merupakan Penasihat kepada *Chairman* dan ada *appointment letter* rasmi...

**Tuan Pengerusi:** *Chairman of TIA Board?*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Appointment Letter* rasmi yang ditandatangani oleh Lembaga Pengarah...

**Tuan Pengerusi:** TIA Board siapa?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** TIA Board Dato' Ismee dengan Datuk Shahrol Azral.

**Tuan Pengerusi:** Masa itu dia...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ada. Dia memang sudah ada. So...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *The Chairman, the company's' advisor.* Ini Lampiran 42, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** 41 itu Pengerusi kepada TIA Board, Penasihat kepada Pengerusi.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, saya difahamkan Jho Low ini dia *resigned as Advisor* bulan Mei Yang Berhormat. Jadi, masa dia hadir mesyuarat September itu dia sebagai *representing the Royal family of Saudi Arabia*. Itu pun dia sekejap sahaja.

**Datuk Liang Teck Meng:** Akan tetapi Tan Sri, bila Tan Sri kata hadir dalam mesyuarat, makna mesyuarat sudah bermula dia masuk *join* sekali ataupun sebelum mesyuarat itu bermula dia datang sekejap, lepas itu tinggalkan mesyuarat itu? Jadi, saya kena berhati-hati dengan perkataan. Bila dia masuk, dia datang untuk mesyuarat, bermakna dia *join* sekali dalam mesyuarat ataupun sebelum mesyuarat bermula, dia telah pun meninggalkan tempat itu?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya difahamkan dia hadir sekejap, selepas dia sampaikan salam Royal Saudi, kemudian *he left*...

**Datuk Liang Teck Meng:** Dia hadir sekejap selepas mesyuarat bermula atau sebelum?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tan Sri, *you were there*.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *I was, I think that was my first meeting, I tidak ingat.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *That cannot be first meeting, 26 of September.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *No, I was there but I was new you know...*

**Tuan Pengerusi:** Okey ini, *to be fair*, boleh dapat tidak surat peletakan jawatan dia sebagai *advisory to the company* ya.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Ya. Kita akan dapatkan.

**Tuan Pengerusi:** Audit *please* ya. Ada surat peletakan jawatan dia? Ya, ada?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *InshaaAllah* kita akan sampaikan.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Jadi kalau dia meletak jawatan- okey.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *You know why, because if he's been-* kalau dia dilantik sekarang sebagai Penasihat TIA, kita tidak tahu sekarang *what the terminology like. When TIA now changed name to 1MDB, they change name* atau *buy over*?

#### ■1100

**Tuan Pengerusi:** *Change name and buy over*, semua kenalah.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Jadi kalau kita tengok daripada surat SSM, SSM tidak kata begitu. Saya pun tidak ingat mana, yang SSM punya surat itu. Muka surat 38, kah?

**Tuan Pengerusi:** Tak, dia tukar nama dan tukar *shareholder* sekali.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Dia menukar nama.

**Tuan Pengerusi:** Ya?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Dia menukar nama.

**Tuan Pengerusi:** Nama sudah tukar, *shareholder* sekali.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ha, tukar *shareholder*.

**Tuan Pengerusi:** *Shareholder* pun bertukar.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Kita nak tahu sekarang *what is the position of the CEO, because here on letter of appointment, maybe appointed as CEO of TIA. Then when this company is change, whether your Letter of Appointment is still carry, you see? Macam mana kalau carry ya?*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *You see ya, when you are changing of name, you not only carry the asset, you also carry the liabilities.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ini macam saya, anak saya, saya pergi NRIC tukar nama saya, anak saya masih anak saya. *So, its carry.*

**Tuan Pengerusi:** *No, no, this is...*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *Letter of appointment is different.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** Kita tidak boleh *argue*. Maknanya badan sama tapi *company is company* lah, dimiliki oleh, *legally* dimiliki nama dan dimiliki oleh syer...

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** Tuan Pengerusi, *normally* kita syarikat tukar nama, *then within one year, according to SSM, we are to carry the name formally known as. These are standing order now, sampai sekarang. So, it is same entity* lah. *Same entity.*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *Not only they change of name, they change ownership as well.*

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *...And the directors.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ha?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *Ownership. This is on the point of law whether now whoever the CEO now is appointed as 'A' company and this company now change name.*

**Tuan Pengerusi:** Menukar nama itu daripada segi *legal*- menukar nama *is legal*. Maknanya *you have to get approval from SSM. So to change the shareholder ini you have to submit sahaja. It's a submission* daripada segi borang apa-apa itu. *That's all itu. But, anyhow, can you get the letter of resignation of Jho Low?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *InshaaAllah Yang Berhormat, we look into it.*

**Tuan Pengerusi:** *Okay, please ya. Can we move to the next one?*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Dua soalan untuk *Murabaha Notes. Two questions. Number one, kita mendapati bahawa circular resolution seperti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu tadi, ditandatangani way after the Murabaha deal was signed. Yang ada di lampiran, kalau tidak salah, Lampiran 44.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *Dalam Company Act is allowed. Circular resolution is allowed but in the circulation resolution...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *No, no.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *It is allowed.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Nanti, nanti, saya hendak tanya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Soalan daripada kamu *wrote* itu ada juga *conflict of interest*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya belum tanya lagi [*Ketawa*] Sabar, sabar, sabar. Adakah perubahan dari segi pemilikan saham ke *Murabaha Notes* dipersetujui dalam mesyuarat Lembaga Pengarah sebelum perkara itu dibuat atau tidak? Sebab, tarikh *circular resolution* ini 16 Mei 2011. *A Murabaha Notes was signed in the middle of 2010. Murabaha Notes* ditandatangani pertengahan tahun 2010.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, selalunya *board* akan berbincang berkenaan perkara-perkara yang penting seperti *conversion of equity investment* kepada *Murabaha Notes*. So, walaupun surat perjanjian ditandatangani berdekatan dengan *circular resolution* yang ditandatangani, itu tidak bermakna yang perkara itu tidak dibincangkan dalam Lembaga Pengarah. *Because, the pressure on management to realize the investment* di 1MDB-PetroSaudi adalah sangat tinggi.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya rasa adakah itu a *fair view* daripada Tan Sri Pengerusi, sebab *in the board meeting on the 12<sup>th</sup> January* tahun lalu, *Chairman* sendiri ada komen, "*In the past, the board had met certain decision via DCR without the benefit of deliberation including decision on the guarantee of loans- in future should be...*" kurangkanlah DCR. So, Tan Sri sendiri ada mengeluarkan pendapat sebegini.

*So before this, like the Murabaha Notes which is a very important transaction, was it deliberated?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya pasti ia ada dibincangkan. Ini perkara yang mustahak. Memang kita sedar berkenaan apa yang sedang dilaksanakan oleh pihak pengurusan. Akan tetapi secara amnya saya buat *that statement because* saya tidak hendak banyak sangat DCR. Kalau kita tengok pun memang banyak DCR. Saya tidak setuju, saya tidak setuju. Memang saya rasa kita- itu secara amnya. Akan tetapi berkenaan dengan *this particular DCR*, itu memang ada dibincangkan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Okey. Soalan nombor dua, adakah pelaburan 1MDB dalam bentuk *Murabaha Notes* selari dengan objektif syarikat? *Murabaha Notes* ini merupakan sejenis pelaburan pinjaman. *Essentially we are lending money to the 1MDB- PetroSaudi* yang kita tidak milik lagi. *So was 1MDB setup to pinjam wang? So become-* dan bukan kecil jumlahnya. USD1.2 bilion. Selepas itu tambah lagi sehingga USD2 bilion. So adakah ini selari dengan objektif 1MDB?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, kalau kita tengok objektif 1MDB ini *quite wide ranging* tetapi fokus kepada projek-projek yang tertentu. Sebagaimana kita membuat keputusan berkenaan dengan pelaburan di syarikat-syarikat korporat, 1MDB juga mengambil pendirian jikalau kita dapati *there is a big mismatch in term of* kita punya *obligation* untuk bayar *interest* dan *principal* dengan *cash in flow*, jadi kita kena buat sesuatu untuk menjadikan *investment* kita itu *more liquid*.

Jadi pendapat ialah untuk cuba menukarkan pelaburan dalam 1MDB-PetroSaudi kepada *to make it as liquid as possible. One of that ways is* walaupun dia punya pulangan itu boleh katakan 8.7% *or whatever*, tetapi *at least there is certainty in term of returns* daripada pelaburan yang boleh kita gunakan untuk sekurang-kurangnya bayar *interest* on kita punya 1MTN itu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Bila kita buat pinjaman, yang paling penting kita perlu pertimbangkan adalah sama ada pihak yang meminjam itu *creditworthy*, dapat bayar balik, sebab kalau tidak dapat bayar balik, faedah 20% pun tidak guna.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Betul, ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** So, adakah *due diligence* dibuat ke atas syarikat yang akan memperoleh pinjaman sebanyak USD1 bilion daripada 1MDB?

## ■1110

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Ini, *it is a conversion*. Ini satu langkah sebagaimana yang saya katakan sebentar tadi *mitigating risk* daripada pelaburan *Caspian Sea* dan sebagainya menjadi *promissory note* yang mana mendapat *fixed income* dan di *guarantee* kan pula dengan BSI punya *guarantee*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** So, ada jaminan daripada BSI.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** BSI.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Okey. Dari segi sebagai pemegang saham kita ada kuasa untuk *management control* sebab kita ada wakil dalam Lembaga Pengarah kita ada *signatory* dalam tandatangan *cheque* tetapi sebagai peminjam langsung tiada. Sebenarnya bila kita ubah jadi pinjaman *risk* nya tidak sama dan ia tertakluk kepada jaminan yang diberi oleh PetroSaudi. Akan tetapi yang kita tahu sekarang *based on company search*. PetroSaudi hanya ada *paid-up capital* sebanyak lebih kurang USD130 ribu sahaja. USD130 ribu tidak sampai RM1 juta *paid-up capital* tetapi pinjam lebih, pada masa itu jumlahnya USD7 bilion lebih. Adakah jaminan itu, memadai pinjaman yang dibuat?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, perkara ini memang menjadi satu perkara yang dibincangkan oleh Lembaga Pengarah. Jadi apabila pinjaman tambahan yang dibuat Lembaga Pengarah telah memohon mereka yang mewakili 1MDB untuk mendapatkan PetroSaudi untuk menambahkan aset di dalam syarikat mereka itu supaya pinjaman itu *has a backing of strong asset*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kita pinjam dahulu baru minta supaya mereka tambah aset? Kalau kita bank selalunya kita minta supaya syarikat tambah aset dahulu baru pinjam dari bank. Akan tetapi di sini, kita pinjam dahulu, beri wang dahulu lepas itu baru minta syarikat tersebut tambah aset. Prosedur betul tidak?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya kurang pasti apa yang berlaku. Sama ada sebelum atau selepas tetapi dari pihak Lembaga Pengarah kita hendak pastikan yang pelaburan kita, yang pertama adalah selamat dan kedua, dapat dibayar balik dan kita mendapat keuntungan yang sewajarnya. *Of course on hindsight* Yang Berhormat, kita ada *Vision 2020* tetapi bagi Lembaga Pengarah kita terpaksa membuat keputusan berasaskan kepada laporan, penerangan, penjelasan yang diberikan oleh pakar-pakar terutama pihak pengurusan. *We have to depend on those kind of presentation, promises and assurance given by management*.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin. *You mentioned a lot about matters being discuss at Lembaga Pengarah but in our records it does not show in the minutes that things like this were discuss because if it was discuss then we might have seen the decisions made on whatever initiate should be taken by management*. Jadi kalau selalu kita bincang dalam Lembaga Pengarah *it has got to be minute and we have no records in the minutes regarding the matters that worries*.

Yang Berhormat betul itu. *I think there is certainly strong observation which I fully support*. Saya setuju. Kadang-kadang ini hendak membuat perseimbangan di antara apa yang harus dicatatkan dan apa yang dicatatkan oleh *secretary*. Kita kadang-kadang orang yang terlampau sibuk, saya sendiri *I'll try to make a point to go through the minutes* tapi tidak semuanya dicatatkan oleh pihak setiausaha. *So, there could be kekurangan* daripada pihak setiausaha syarikat untuk mencatatkan semua yang dibincangkan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin berpanjangan kepada itu. Ada satu kes yang saya lihat yang mana CEO pada ketika itu Encik Shahrol membuat satu keputusan melalui *circular resolution* melantik beliau sendiri dan *sorry* lah Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin mungkin *you are not the Chairman yet*. *I think it was done during Tan Sri Bakke Mohd Salleh time*.

*So, even the appointment letter signed by himself. Appointing himself, a very important assignment that is including appointment based on following investment, lead manager and primary subscriber for a propose- so, this proses yang Yang Berhormat Kota Bharu sebutkan tadi itu conflict of interest. Appointment beliau dia sendiri pun signed dia punya appointment. Termasuk juga- was I think actually become a Chairman and then he was still in the 1MDB punya Board- so, what is your observation on this...*

**Beberapa Ahli:** *[Berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat ini pandangan saya Yang Berhormat. Seseorang penjawat boleh buat *signed circular resolution* untuk melantik diri mereka *provided* beliau mempunyai *mandate* daripada *authority* yang melantik sama ada *board* atau sesiapa jugalah. *A mandate must be there.* Ini daripada segi pandangan sayalah. *He can be the candidate but if he has got the mandate-* Itu pandangan saya sahajalah.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baharu]:** Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin. Saya hendak tanya satu persoalan selain daripada 1MDB ada *Board of Directors* and then ada *management* di bawahnya. Ada satu lagi BOA iaitu *Board of Advisors*. Adakah *Board of Directors* terutama masa Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin mempengerusikan 1MDB ini juga menerima atau *received instruction* ataupun arahan-arahan serta ketetapan keputusan-keputusan yang perlu dibuat oleh *board* daripada *Board of Advisors* dalam mengendalikan urusan 1MDB ini?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Lampiran 72 ini berkenaan dengan pelantikan Encik Shahrol *"Is hereby authorize to confirmed the appointment in principle of AmlInvestment Bank Berhad as lead arranger and all lead manager and primary subscriber for the propose Islamic medium term note program- himself. To confirm the appointment of AmlInvestment Bank. Just to authorize him because he is the Board Member so it's not-* ia okey, dia kena *sign.* *It is okey* Yang Berhormat.

Yang Berhormat, kita berjumpa dengan *Board of Advisors* dan dari semasa ke semasa untuk mendapatkan pandangan, nasihat dan petunjuk *in term of policies, general policies matters.* Jadi umpamanya apabila Yang Berhormat Perdana Menteri melawat Saudi Arabia ataupun *Crown Prince of Abu Dhabi* datang ke Malaysia, selepas perjumpaan beliau akan berjumpa dengan pihak pengurusan dan memberi pandangan berkenaan cara-cara bagaimana apa yang dibincangkan oleh pemimpin kedua-dua negara itu dapat direalisasikan.

Kita juga perlu mendapatkan *Board of Advisors* punya kelulusan bagi *certain matters* yang memerlukan kelulusan daripada *Chairman of Board of Advisors.*

**Tuan Pengerusi:** Murabaha ini. Murabaha ini akhirnya dengan RM940 *million.* *Can we move* Murabaha dengan PetroSaudi, Murabaha sudah habis, cerita ini. *Don't ask anymore about this question.*

■1120

**Tuan Pengerusi:** *So, we move to the next one.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Minta maaf Tuan Pengerusi, saya lupa tadi. *One quick question for the legal.* *Just now we are talking about the guarantee for the Cayman SPC Fund by Aabar. Can I know whether the guarantee was provided by Aabar Investment PJS or Aabar Investment PJS Limited BVI?*

**Encik Ivan Chen:** *I have to check and come back to you on this. Not very sure.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Okey, kita pergi ke bon. Bon yang dikeluarkan oleh Goldman-Sachs. Saya hanya ada satu soalan tentang perkara ini iaitu kita telah pun membaca banyak pertikaian mengenai bon yang dikeluarkan oleh 1MDB melalui Goldman-Sachs di mana kita membayar *fees, this is the exact words in the prospectus, fees, commissions and other charges, expenses,* yang berjumlah dekat 10% daripada jumlah yang



dipinjam. Adakah soalan ini dibangkitkan dalam mesyuarat 1MBD? Ini kerana Tan Sri sendiri, LTAT, Affin Bank banyak membuat *fund-raising* sebegini. *We know that the fees to the investment bankers* biasanya mengikut jumlah tidak akan melebihi 1%-2%. Kalau jumlah besar macam *1 billion*, selalunya 0.5% sahaja *the fees*.

*So this time we are paying close to 10% on average.* Adanya lebih daripada 10% tetapi *average* 10%. Adakah perkara ini dibangkitkan dalam Lembaga Pengarah?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, memang saya rasa ada dibangkitkan. Apabila kita berurusan dengan syarikat-syarikat seperti Goldman-Sachs ini dan berasaskan kepada jumlah yang begitu tinggi begitu banyak yang hendak dipinjam, dan juga kesanggupan mereka untuk *underwrite*, itulah faktor-faktor yang disebutkan sebagai mana kita terpaksa membayar bayaran yang begitu tinggi. Memang disebutkan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Akan tetapi, *underwriting* ini *is a normal process*. Ini bukan satu perkara luar biasa. Bila Affin Bank keluarkan sukuk bagi mana-mana syarikat, Affin Bank juga *underwrite the sukuk issue, but you don't charge 10%, you charge maybe 1% or 1.5%*. *So underwriting cannot be a reason for the high fees.*

*Number two*, kalau jumlah yang dikeluarkan itu lebih besar, sepatutnya yuran yang diperlukan mengikut peratusan, lebih kecil. *The bigger the fund issue is, the percentage would be given smaller.* Akan tetapi, *in this case each of them about USD1.75 billion, USD1.75 billion, USD3.5 billion, they are higher. Much, much higher than normal.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Well* Yang Berhormat, *again, this is* satu perkara yang boleh di *debate* dan daripada segi nampak secara amnya memang tinggi tetapi jika kita teliti, kita kaji tengok mengapa 1MDB bersetuju untuk membayar membuat bayaran sedemikian, saya rasa kita boleh faham mengapa itu berlaku. Kita ini sebagaimana saya sebutkan *earlier* tidak ada rating. Kemampuan kita pula untuk membayar balik pada masa itu agak terhad juga *cash flow*.

Ketiganya, kita hendak melaksanakan pengambilan projek-projek yang telah dikenal pasti mengikut dalam bidang tenaga agak singkat. *So it's got to be done in quite fast. As usual, when all these factors are taken into account, so you have to pay a higher fees. This is the rationale explained to us.*

**Tuan Pengerusi:** Untuk beli Edra ya?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tiga buah bon yang dikeluarkan USD1.75 bilion, USD1.75 bilion, USD3 bilion. Yang *first two* adalah untuk Edra, *the last one is for Aabar, the joint venture.*

Saya ambil maklum tentang apa yang dimaklumkan oleh pihak pengurusan kepada Lembaga Pengarah tetapi adakah Lembaga Pengarah mendapat bahawa apa yang disebut oleh pengurusan itu wajar atau tidak wajar bayar 10%, *or the Lembaga Pengarah agreed that 10% is a fair price?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, Lembaga Pengarah *of course* kalau hendak dapat lagi murah lagi bagus. *But because of the –* masa itu situasi di mana kita perlu membuat keputusan yang agak segera berkenaan dengan pengambilalihan Tanjong Powertek. Jadi kita memang pohon pengurusan untuk merundingkan harga yang lebih rendah lagi. Mereka cuba, itu saya ingat sendiri.

*I was very strong. I kata please go and negotiate for a lower fee.* Akan tetapi dukacitanya, bila berurusan dengan *parties* seperti Goldman-Sachs yang mana kita ini tidak ada aset ataupun benda yang hendak di *support* kita punya *loan* itu, *so it became a little bit difficult.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sebenarnya *support* bagi pinjaman kita cukup kukuh. Kita dapat jaminan daripada syarikat IPIC yang merupakan *sovereign wealth fund* bagi Abu Dhabi. *So it is a very strong guarantee.* Selepas itu, bagi USD3 bilion kita dapat surat sokongan daripada Kerajaan Persekutuan. *So there's no reason why the credit rating should be low.*

*And then* nombor dua, saya hendak memberikan satu contoh, Kerajaan Negeri Sarawak, anak syarikatnya Equisar, ada kan? Equisar, mereka juga mengeluarkan pinjaman global bond melalui Goldman-Sachs dan mereka bayar, kalau tak salah saya, tak sampai 1.5%.

*If Equisar from Sarawak can pay only 1.5%, why is it that 1MDB, anak syarikat kepada Kementerian Kewangan kena bayar 10%?*

**Tuan Pengerusi:** Tan Sri Lodin sudah jawab tadi, saya ingat dia sudah jawab tadi. *Put* dalam minit lah jawapan Tan Sri Lodin tadi. Dia sudah jawab sudah tadi.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tan Sri Lodin, sebagai sebuah syarikat pelaburan yang dipunyai oleh kerajaan dengan satu matlamat yang cukup baik. Akan tetapi Tan Sri Lodin dapat melihat walaupun sebenarnya modal kita kecil, terlalu kecil tetapi kita mengambil hutang yang terlalu besar.

Kalau tidak kerana ada apa-apa laporan yang negatif ini dan juga usaha-usaha daripada mereka yang tidak bertanggungjawab ini, adakah 1MDB ini akan menjadi sebuah syarikat gergasi dan mendapat keuntungan? Saya minta Tan Sri Lodin jawab yang itu dahulu.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, pada pandangan saya model 1MDB ini baik. Saya percaya yang jika berjaya dilaksanakan, ia boleh menjadi sebuah syarikat gergasi yang mampu untuk membantu kerajaan negara kita untuk mengembangkan membangunkan projek-projek mega tertentu bagi meletakkan negara kita pada satu tahap yang lebih tinggi lagi.

Umpamanya, Tun Razak Exchange yang mana kita berhasrat untuk membangunkan sebuah kawasan untuk dijadikan sebagai *financial services centre* dengan menumpukan kepada *mega Islamic bank*. Begitu juga dengan pembangunan Bandar Malaysia. Itu boleh dijadikan kawasan *green building index* punya *requirement* dan juga memajukan membina pelbagai jenis keperluan daripada segi budaya, pembelajaran dan sebagainya.

#### ■1130

Bagi Bandar Malaysia pula, *Crown Prince of Abu Dhabi* bersetuju untuk membina sebuah masjid yang besar seperti masjid yang terdapat di Abu Dhabi di dalam kawasan Bandar Malaysia. Saya sendiri berada di Abu Dhabi semasa kita memberi penjelasan kepada *Crown Prince*. Beliau sangat tertarik dengan cadangan untuk membangunkan kawasan tersebut dan buat *pledge* untuk membiayai pembinaan masjid terbesar di *South East Asia* yang dapat menampung 25,000 hingga 30,000 orang jemaah dalam kawasan Bandar Malaysia.

Lagi satu, berkenaan dengan *energy*, memang hasrat kerajaan untuk cuba menyampaikan harga kadar elektrik yang lebih rendah lagi kepada rakyat. Tujuan bagi 1MDB ialah untuk mengambil alih syarikat-syarikat *energy* yang berkenaan, disatukan dan dapat menjadi saingan dan dapat membantu kerajaan untuk mengurangkan kadar harga *energy* bagi negara kita. Projek ini juga dapat menjadi satu projek yang dapat menjadikan 1MDB, *hopefully, global player* dalam sektor *energy* terutama di rantau ini.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *Tan Sri, you are supposed to be a reputed corporate player and now you are heading not only the bank, tapi juga macam Boustead, macam LTAT. How do you take the challenge now to stay back, for whatever matter, so fateful with the controversial company like 1MDB? We must be having, actually, some vision on it.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, saya ini *try to be a good citizen. I try to contribute to nation building*, yang mana boleh, dan saya cuba membuatnya seberapa baik yang boleh. Jika diberi tanggungjawab, *I try to my very best. Of course there are a lot of challenges* mengendalikan agensi-agensi kerajaan *from corporate body*, memang sukar juga. Akan tetapi, oleh sebab saya percaya yang 1MDB ini boleh memainkan peranan yang sangat penting pada pembangunan negara, *I was prepared to sacrifice my time and my energy. We try*

*to make it happen*. Sayangnya, disebabkan oleh cabaran-cabaran yang mana kita tahu itu, jadi perkara ini belum dapat dicapai.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Satu lagi, Tan Sri, tindakan yang telah diambil oleh 1MDB dalam bulan November tahun 2014 dan juga dalam awal tahun 2015 apabila kita menghadapi banyak cabaran yang timbul dalam Syarikat 1MDB ini. Saya hendak tanya kepada Tan Sri secara ikhlas, sama ada tindakan yang telah dibuat oleh 1MDB pada ketika tersebut apabila tidak berjaya diapungkan, adakah sebenarnya mendatangkan kejayaan atau banyak merugikan kepada 1MDB?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, masalah 1MDB hadapi dalam masa tersebut itu terutama kegagalan untuk mengapungkan syarikat *energy* kita memang satu detik yang saya rasa hitam yang tidak dapat diterima bagi 1MDB. Ia telah menjejaskan kredibiliti 1MDB.

Sebelum berlakunya perkara ini, *bankers line up to offer all kind of facilities to us for projects*. Akan tetapi apabila berlakunya masalah untuk mengapungkan syarikat itu, banyak *bankers* telah menarik diri. Saya sendiri telah dilawati oleh beberapa orang pegawai tertinggi bank yang terkemuka di negara untuk memaklumkan bahawa, "*Sorry, with all these, we are not going to support you*". Bukan itu sahaja, dia orang juga telah menarik balik *under writing all the exercise*. *Facilities* ditarik balik, *under writing* punya *agreement* yang ditandatangani terlebih awal juga ditarik balik, *last minute*.

Sekarang pun masih lagi masalah mendapatkan pinjaman dan sebagainya masih lagi berlaku tetapi nampaknya sudah kurang sedikit. *I think* dengan tindakan 1MDB untuk menjual TRX dan *energy* dan juga Bandar Malaysia, *slowly* nampaknya *the confident of the bankers are starting to come back*. *InshaaAllah, alhamdulillah*.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *Okey, Dato' chairman, we can understand. I think this people are slowly try to understand the situation of 1MDB. People now realize. Of course in the first instant when you appointed, when you take over from Tan Sri Bakke, Tan Sri Bakke refuse and you so willing to take the responsibility to head the chairman of this so-called JV project with this PetroSaudi, what will your confidence of this JV with PetroSaudi at the time you are appointed?*

Sebagai orang yang *season corporate members, you have faced all this kind of kekangan, problem, not only trough the media but* dengan pengurusan kewangan seperti bank misalnya. *After Arul have been took over with you, more or less, hutang-hutang kita sudah pun selesaikan and masalah dengan bank masih lagi kekal*. Apakah pandangan Tan Sri bahawa 1MDB ini masih boleh diguna pakai untuk membantu kewangan negara kita?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, masalah 1MDB ini, jika 1MDB ini dibenarkan untuk diuruskan sebagai sebuah badan korporat, mungkin cabaran yang dihadapi tidak sebegitu berat. Akan tetapi masalahnya, ada banyak tohmahan dan tuduhan berkenaan dengan perkara-perkara yang saya sendiri tahu setengahnya tidak betul. Akan tetapi, saya juga faham bahawa membangunkan sebuah syarikat yang bergantung boleh katakan 99% kepada *borrowings*, memang sukar. Pertama sekali, apabila *the amount of cash flow coming in* tidak ada *match* dengan *the amount of cash flow going out*. Walaupun kita mempunyai aset yang kukuh mahupun daripada segi *energy*, tanah dan sebagainya tetapi aset-aset ini memerlukan masa untuk dimajukan. Umpamanya Tun Razak Exchange, sudah tiga, empat tahun kita mengambil alih, hanya tahun ini baru kita boleh majukan *and* kalau kita pegang, mungkin *another* tiga, empat tahun baru kita mendapat pulangan.

Begitu juga dengan Bandar Malaysia. Bandar Malaysia, tempat itu memang cantik, *very strategik* tetapi *for anyone to take over the development of Bandar Malaysia, it will take at least about enam, tujuh tahun baru cash flow start to coming*. *But in the meantime*, kita perlu belanja untuk membuat infrastruktur, untuk mengalihkan kompleks-kompleks yang terdapat dalam kawasan berkenaan kepada tempat-tempat lain yang sedang berlaku sekarang ini.

*So, is not the question of just government* bagi tanah dengan murah tetapi juga masalah membuat perbelanjaan, untuk mengalihkan *facility* dan sebagainya dan membina infrastruktur. *So, saya masih percaya 1MDB ini boleh kita teruskan dan boleh mendatangkan faedah. Kalau next net pun sebagaimana yang saya sebutkan semalam 1MDB boleh memberi hasil sekurang-kurangnya sebanyak RM2 bilion, RM3 bilion kepada kerajaan.*

■1140

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *You are saying that 1MDB ini harus dikekalkan. You believe or ada kepercayaan bahawa 1MDB ini boleh diteruskan dan tidak perlu gulung tikar. Ya Yang Berhormat Telok Kemang. Saya rasa saya ada keyakinan jugalah. Kalau pengurusan cara yang terbaik, orang-orang pengurusan yang dahulu itu ada kecelaruan, saya rasa professionally I think by now we realise how important is pihak pengurusan I think Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang is monitoring... [Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Tan Sri memang perkara biasa dengan bank ini apabila ada risiko dia tarik balik, memang macam itu, suasana yang tidak baik dia tarik balik, suasana yang berubah dia datang. Itu memang bank. Adakah Tan Sri bertujuan untuk bersaing dengan TNB supaya harga tenaga itu turun? Beberapa buah syarikat sekarang ini yang kena-mengena dengan 1MDB, syarikat tenaga?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, tujuan 1MDB membuat pelaburan dalam syarikat-syarikat, tiga buah syarikat besar itu dan juga membuat *bidding* kepada 3B projek itu adalah bertujuan untuk memberi saingan kepada syarikat-syarikat IPP yang lain supaya tidak menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya. Jika dibandingkan dengan tenaga TNB, saya rasa syarikat ini adalah kecil. *We constitute about 14% sahaja daripada pasaran dan tujuan kita hanyalah untuk generation. Kita tidak buat distribution walhal TNB ada buat distribution.*

Saya difahamkan apabila kita buat *bidding for 3B projek*, kita telah berjaya mendapatkan saingan yang lain untuk menetapkan kadar yang lebih rendah lagi apabila *bidding process* itu dilakukan. *So, in some way we have contributed* kepada penurunan kadar tarif seperti yang dijanjikan oleh *bidders* ini kepada kerajaan *under the 3B projek*.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Tan Sri, tadi Tan Sri ada menyatakan masalah *under writing* dari bank-bank dan sebagainya masih ada lagilah pada setakat ini. Jadi, apa langkah-langkah 1MDB pada masa ini untuk memastikan semua ini yang masih ketidakyakinan yang masih ada pada masa ini, apakah yang sedang dilakukan oleh 1MDB? Oleh sebab *looks like dislike and the end of tuner* tetapi ini yang masalah apa langkah-langkah yang diambil 1MDB? Kita hendak tahu semua itu jugalah. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, sebagaimana yang kita sedia maklum semenjak enam bulan kebelakangan kita telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk menjual aset-aset kita. *Alhamdulillah* sehingga bukan Disember, kita telah berjaya mendapatkan pembeli aset *energy* kita. Ini akan mengurangkan bebanan hutang jumlah RM17 bilion. Kita juga berjaya menjual Bandar Malaysia tetapi masih lagi kerajaan mengekalkan 40% yang dijual hanyalah 60%.

Jadi ini akan memberi jumlah wang sebanyak RM7 bilion. Akan tetapi harga semuanya jika dimasukkan dengan 40% yang dimiliki oleh kerajaan itu adalah lebih RM12 bilion. *So di antara dua ini jumlahnya RM30 bilion.* Apa yang kita telah tandatangani dengan IPIC akan memberi pulangan sebanyak RM16 bilion, RM17 bilion kepada kita. Jadi *inshaaAllah* hutang-hutang RM42 bilion itu akan dapat diselesaikan jika semua rancangan ini dapat dilaksanakan dan cadangannya ialah untuk dilaksanakan sebelum Mac, April dan selambat-lambatnya Jun tahun ini.

Jadi daripada segi pembayaran penjelasan hutang *under writing, inshaaAllah* tidak akan timbul lagi dan jika semua ini dapat dilaksanakan, kerajaan melalui sama ada MoF Inc. ataupun 1MDB akan mempunyai baki tanah di

Tun Razak Exchange di mana daripada segi pembangunan *life style portal* dengan syarikat dari Australia Land Lease kerajaan masih lagi memiliki 40%. Bagi Bandar Malaysia 1MDB atau MoF Inc.- masih lagi memiliki 40% daripada syarikat berkenaan. Bagi dua kumpulan tanah ini lagi lama kita tunggu dan lagi banyak pembangunan ataupun infrastruktur dimajukan dan bagi Bandar Malaysia jika dapat dilaksanakan projek *speed train* dari Singapura, ini akan menaikkan lagi taraf dan kawasan tersebut dan juga nilai bagi kawasan tersebut.

Kita percaya bahawa dalam masa lima, enam tahun *value* tanah di bandar Malaysia dan juga di Tun Razak Exchange akan meningkat dengan sebegitu banyaknya. Ini akan memberikan selain daripada RM2 bilion, RM3 bilion yang saya sebutkan sebentar tadi akan menambahkan lagi nilai Syarikat 1MDB ini untuk kerajaan.

**Tuan Pengerusi:** Dengan Edra ini, dengan Bandar Malaysia ini *confirm you* boleh? *Confirm* ya?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Confirm* Yang Berhormat. *Part of the rationalization program* yang dipimpin juga oleh MoF Inc. *is confirm* sudah *signed*.

**Tuan Pengerusi:** *Agreement* semua sudah *sign*?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Agreement* sudah *sign* Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Bukan MoU? Bukan?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *No. Not MoU, this is firm agreement.*

**Tuan Pengerusi:** *Firm agreement?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *And it is done through a bidding process.*

**Tuan Pengerusi:** *Firm agreement?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Yes, firm agreement* Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *This one I said that you have following that. What is your plan for following that?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, kita telah membuat *bidding process* dan ada pihak-pihak yang menunjukkan minat dan kita akan melaksanakan *dispose the property*.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Tan Sri jadi soalan saya tadi itu ialah tentang penjualan aset-aset ini dan sebagainya dan *rationalization majors* ini tetapi tadi itu bab keyakinan itu yang dahulunya berduyun-duyun *something not rights* sudah hilang. Macam mana keadaan mereka sekarang pada masa ini? Apakah tanda-tanda keyakinan itu sudah pulih semula daripada *bankers* dan pelabur-pelabur dan sebagainya? Ini yang kita hendak tahu sebab *in the long run we still need them also*.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, apabila kita membuat bida untuk *energy* dan juga tanah Bandar Malaysia *response* yang kita dapat daripada bukan sahaja pelabur tempatan tetapi antarabangsa sangat baik sekali. *So that's end indication that the interest by foreign investors in the project own by 1MDB was very high* sampai kita *in the case of bandar Malaysia 40 bidders interested*. Kita *short list* kepada 12 dan *finally* kepada dua. Malahan saya suka menyatakan bahawa *group* kita *was interested in one-* satu Bandar Malaysia tetapi malangnya kita tidak membuat *bidding* yang tinggi seperti yang konsortium yang juga dimiliki oleh syarikat China.

#### ■1150

Dan *they seem to be*, nampaknya *confident, coming back, you know*. Bukan sahaja daripada segi projek-projek yang dimajukan oleh 1MDB tetapi juga *among the bankers*. Saya pun ada berjumpa *some bankers* yang mengatakan *they feel a bit more better* dengan keadaan kewangan 1MDB sekarang. Semasa *the hike of problem faced 1MDB*, kita juga mendapat pelabur dari Australia, Land Lease dan juga dari Indonesia, Mulia untuk mengemukakan bidaan yang tinggi bagi kawasan yang kita hendak majukan di Tun Razak Exchange. *That was*

during the hike of that crisis. So obviously investors baik dalam mahupun luar negeri memang berminat untuk masih lagi melabur di negara kita dan melabur di kawasan-kawasan atau projek-projek yang dimajukan oleh 1MDB.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baharu]:** Tuan Pengerusi, Tan Sri, saya *quite impress* dengan apa yang disebut oleh Tan Sri, seolah-olah jaminan-jaminan bahawa 1MDB masih lagi relevan untuk membangunkan negara kita daripada segi ekonomi dan sebagainya. Cuma saya hendak tanya pandangan Tan Sri, sebagaimana yang telah diakui *admitted* dalam keterangan Tan Sri sendiri dan juga dalam rekod-rekod yang kita ada bahawa sebelum ini 1MDB telah dikendalikan *with due respect* mungkin bukan dalam keadaan *corporate governance* yang baiklah kerana Tan Sri berulang kali mengatakan bahawa as a *Board of Director*, banyak bergantung pada *management* yang sepatutnya *management* perlu *carry out* apa yang diputuskan oleh *board of directors*.

Jadi adakah pada masa depan, dengan kita mengenal pasti pengalaman-pengalaman kita dengan syarikat-syarikat Arab, PetroSaudi dan sebagainya yang dia punya *business practice* dia berbeza dengan kita ataupun negara-negara maju yang lain, kita masih lagi hendak berurusankah dengan syarikat-syarikat yang sukar seumpama ini yang telah memberi kesan yang cukup besar kepada ekonomi negara, kepada politik negara dan sebagainya? Itu sebab tadi, banyak pandangan diminta oleh Yang Berhormat Putatan dan sebagainya. Jadi saya hendak minta pandangan Tan Sri jugalah, *for the future* macam mana.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, *Middle East* ini memberi gambaran yang mereka ini banyak duit, mereka kaya, *you know*. Akan tetapi tatacara dan budaya orang-orang daripada *Middle East* ini nampak berbeza sedikit. Saya tidak mengatakan yang kita harus memberhentikan sama sekali membuat pelaburan atau membuat urusan dengan mereka tetapi *I would be very, very, very careful* kalau kita *deal* dengan *investors from the Middle East*.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Akan tetapi tadi Tan Sri nampak macam, *you are very impress* dengan boleh bina sebuah masjid, boleh beberapa puluh ribu orang. So, maknanya as a *board directors of the company*, dia memberikan satu gambaran yang cukup menarik kepada sehingga kita buat keputusan bersetuju untuk JV dengan mereka ini.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Pembinaan masjid ini sebuah hadiah. So, *they hope they deliver* tetapi *of course* bila kita dengar *the Crown Prince himself said* bukan *through third party*, tetapi dia sendiri. So kita menaruh penuh harapan dan percaya *and hopefully, inshaaAllah* dia akan *deliver*. Akan tetapi yang lain-lain itu, *I would be*, saya rasa kita kena berhati-hati. Bukan kita tak boleh buat tetapi *I think we must make sure that* sekarang ini kita harus menyediakan *every check and balance, every element possible to make sure* yang apabila kita membuat satu-satu pelaburan itu yang kita akan rasa pelaburan kita selamat dan akan memberikan pulangan yang seperti yang kita harapkan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tan Sri masih bersedia untuk bersama dengan 1MDB *in future*?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, saya letih saya cakap itu [Ketawa] Saya beritahu kawan. Saya kata, bagilah saya dua, tiga LTAT bagilah saya dua, tiga Boustead, *inshaaAllah* saya boleh uruskan. Tan Sri Ambrin pun tahu tetapi 1MDB ini yang mencabar sikit *the political part of it* [Ketawa]

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tan Sri, saya hendak pulang balik bagi Edra, penjualan Edra itu. Sebelum ini, semalam, Tan Sri ada sebut bahawa Edra ini ada untung ataupun sekurang-kurangnya tidak rugi. Saya buat pengiraan kasarlah. Kita telah pun membeli syarikat-syarikat Edra dengan harga 12.1 bilion, lebih kurang 12 bilion. Kita hanya jual dengan harga 9.83 bilion dan kita ambil maklum bahawa memang ada dividen lebih kurang 2 bilion daripada syarikat-syarikat ini. Akan tetapi pada masa yang sama, kita buat pinjaman untuk membeli syarikat-syarikat ini. So kita kena bayar faedah. So, kalau kita ambil kira faedah sebenarnya, kerugian kepada 1MDB lebih besar

daripada 12 tolak 9.8 sebab faedah kalau tak salah, lebih kurang 2.5 bilion sahaja daripada pinjaman yang dibuat untuk membeli syarikat-syarikat ini. So, adakah ia menunjukkan bahawa 1MDB telah pun membeli syarikat-syarikat ini dengan harga yang terlampau mahal dan *the value has reduce* walaupun kerajaan telah pun memberikan banyak kontrak baru kepada Edra. So walaupun dengan kontrak baru pun, nilai Edra pada keseluruhannya jauh lebih rendah daripada harga yang kita bayar dua tahun sebelum itu. *So is it indication that we paid too much?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, sama ada kita bayar lebih atau tidak, susah saya hendak beri pendapat tetapi macam Tanjong Powertek, *it was a bidding process. We wanted it, so ya, we paid for it. And* sebagaimana yang kita lakukan apabila kita membeli syarikat, *that is always the goodwill element. But, the general power from China, they have agreed to absorb this goodwill. I think about 1.1 billion.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sebab *goodwill* termasuk dalam jaga..

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Ya, termasuk. Itu sebabnya yang saya perlu beritahu yang kalau hendak kira daripada segi sama ada kita bayar lebih atau tidak, kalau kita *take into account interest* yang kita bayar bagi pinjaman, itu satu faktor yang *you know*, mungkin yang besar, betul. *But* daripada segi pembelian, daripada segi penjualan balik, saya rasa *it's a fair, is a fair deal for 1MDB*. Malangnya, kita tak dapat *list the companies* walaupun kita mendapat 3B projek daripada kerajaan tetapi kita tak dapat melaksanakan *and Mitsui was very unhappy because they were our partner. So, we have to sell our interest in 3B* kepada Tenaga, *and we had to suffer some lost on that. So, it doesn't mean that with 3B* yang kita dapat faedah daripada kerajaan. Kalau kita dapat *list the company, we would have got them back more*, saya percaya daripada pelaburan ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *I don't want to speculate on the listing process because the valuation for listing can also very... [Disampuk] If we follow the market talk* semasa itu, sebenarnya *the listing valuation* pun lebih rendah daripada *acquisition price, according to market talk* tetapi *I don't want to speculate*. Saya hanya hendak tambah sedikit iaitu selain daripada 3B, kita juga 4A kah 4B, bukan? Ada, Melaka Ayer Keroh. Ada, 2,000 megawatt Ayer Keroh. Selepas itu, ada 50 megawatt lagi, solar. Solar ada.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *I am not check*, kurang pasti Yang Berhormat.

■1200

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ada, ada.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Jimah?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Unless the surat tawaran* sudah batal yang tidak dilaporkan. Memang ada.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya akan *check* Yang Berhormat ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Apa yang diketahui, 1MDB tidak jual yang Melaka itu sebab dia punya jangka masa untuk pelaburan lebih panjang sedikit. *So you got more leeway*. Manakala 3B sudah jauh kebelakangan, terpaksa jual kepada Tenaga. *So, you do have new contract. And despite of the new contract, evaluation after international bidding is lower.*

Soalan satu lagi mengenai Edra. Kita beli Edra dengan RM12.1 bilion, tetapi kita pinjam sebanyak USD3.5 bilion dan tambah lagi RM7.4 bilion. So jumlahnya, *depending on change rate*, lebih kurang RM20 bilion yang dipinjam untuk beli RM12.1 bilion. Kita jual dengan RM9.8 bilion sahaja. Nilai yang tertunggak RM10 bilion itu yang sepatutnya digunakan untuk *acquisition* ini, *where did the money go?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, ini *management* yang patut jawab. Akan tetapi, apa yang saya fahamkan, digunakan juga untuk perbelanjaan Bandar Malaysia dan Tun Razak Exchange, infrastruktur dan juga untuk *there were some other use* seperti membayar *interest* bagi pinjaman, sebahagiannya, *and there are some other expenditures that you know*, yang mana kita perlu jelaskan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tan Sri, *again, I understand the details should come from the management* tetapi yang saya hairan, adakah Lembaga Pengarah meneliti perkara ini? *Because, it is very glaring. You buy RM12 billion but you borrowed RM20 billion. So, RM8 billion itu satu jumlah yang besar dan Bandar Malaysia sebenarnya ada sukuk tersendiri untuk membiayai kos. Tun Razak Exchange, jawapan yang saya dapat daripada MoF, perbelanjaan tidak sampai RM700 juta, lebih kurang macam itu sahaja, RM700 juta setakat tahun lalu. So, RM8 billion is huge amounts to don't know go where.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Kalau tidak silap saya Yang Berhormat, sebahagiannya digunakan sebagai deposit untuk mendapatkan gerenti daripada IPIC untuk *loan* yang kita ambil. *I think that is big portion there.* Kalau tidak silap saya, USD1.4 bilion *or something like that.* So, ini dalam ingatan sayalah.

**Tuan Pengerusi:** Cuma saya hendak tanya, bila katakanlah *assumption that the energy* sudah jual, Bandar Malaysia sudah jual, IPIC ini boleh jual, berapa lagi tinggal hutang?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Tuan Pengerusi, tadi dia kata setelah semua diselesaikan, ada positif RM3 bilion.

**Tuan Pengerusi:** RM3 bilion?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** RM2 bilion atau RM3 bilion Yang Berhormat. *RM2 billion to RM3 billion.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Itu unjuran.

**Tuan Pengerusi:** Unjuran dialah.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Sudah selesai semua. Yes, unjuran.

**Tuan Pengerusi:** IPIC ini boleh selesai?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *InshaaAllah, I think* Yang Berhormat, kita berusaha untuk selesaikan *by May or June this year.*

**Tuan Pengerusi:** *What is your level confidence to settle this?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, *I am quite confident. It is because this involved guarantee given by IPIC on some of the loan.* Jadi kalau dia tidak mahu selesaikan, mungkin akan mengakibatkan mereka untuk membayar *some of the loans* yang kita ambil itu.

**Tuan Pengerusi:** Daripada segi deposit kita dengan...

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yes, yes, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Berapa *all in*?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** RM1.4 bilion sebagai deposit, saya rasa.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *All those question yang asked by Yang Berhormat PJU actually been cleared by Arul already.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Itu Arul. Ini siasatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Jadi ini *is Chairman* ini, kapasiti *as Chairman* ini, jawapannya sama. *I think you putting too much question to Tan Sri on this one. I think* setakat ini saya rasa memadai. Apa yang kita soal itu cukup...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Kalau memadai bagi Yang Berhormat Putatan, *you can go out, take a smoke. Let me ask my question.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *It is the same question you asking...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Saya rasa Tan Sri *is answering in his way* juga [Ketawa] Saya tidak pukul orang. *I also ask wisely.*



**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** *Mr Chairman, boleh saya explain sedikit? Let me explain on the rationalization. Just now Dato' Chairman tanya what is our confident level. So just to... [Disampuk] Oh, sorry.*

*So on this rationalization until December, we can see the good result. But now we have to follow through for the next six months and we work very closely sekarang, MoF dengan 1MDB, to solve all these outstanding issues. So I think the committee and Treasury working very well. So hopefully with our involvement dengan 1MDB now, we should be able to solve this problem. That is my confident. Thank you.*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Mr Chairman, ini bukan apalah. After going through semua inikan, dengan pengalaman hitam sedikit sebelum ini, rasa-rasanyalah, this just a comment from me, the Board of Director should be in a full grasp on the pengurusan ini jugalah, jangan dibiarkan lagilah. I mean you should be tidak boleh lagi hendak cerita 'difahamkan', all this thing. You should know what they are doing to make sure. Those are my comment on the...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Tan Sri, last question on Edra. Kita pinjam lebih kurang RM20 bilion untuk beli RM12 bilion. Mengikut pengalaman Tan Sri yang cukup mendalam especially in Boustead which is a big corporate player, biasakah ada acquisition seperti ini di mana pinjaman yang diambil jauh lebih besar daripada acquisition value? Does that not put a lot of risk on the company?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Yang Berhormat, itu bergantung pada apa projek yang terlibat di mana pembiayaan daripada pinjaman itu hendak dibuat. Bila kita membuat kajian berkenaan dengan projek energy itu, memang the plan itu nampak cantik. Bukan sahaja menjadikan Edra ini sebagai syarikat energy kedua terbesar di Malaysia, 5,500 megawatt, tetapi juga dapat menempatkan Malaysia sebagai, if not global, regional player dengan memiliki IPP di Bangladesh, di Egypt dan beberapa buah tempat lain. And, we are just involve in generation, bukan distribution seperti Tenaga.*

*It will also maybe pave the way for 1MDB to play more bigger role in term of energy generation dalam negara kita termasuklah solar is one of them. Akan tetapi, we cannot discount, again, this is just my thought, nuclear capability. Again, this is not part of the-* akan tetapi kemungkinan yang ini boleh juga dibuat kajian untuk memastikan yang kita mempunyai energy security dalam negara kita.

*So, that is the role that is being ambitious by 1MDB and kerajaan. Jika kita bandingkan dengan jumlah pinjaman itu, saya percaya, Board percaya boleh di- we can justify.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Tan Sri, saya...*

**Tuan Pengerusi:** *Apa lagi? Itu Bandar Malaysia?*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Bukan. Sebelum Bandar Malaysia. Bandar Malaysia I will ask towards the end.*

*Satu perkara yang saya rasa telah pun dibangkitkan oleh Jabatan Audit yang ada konflik daripada segi jawapan sedikit mengenai bayaran kepada opsyen yang diberikan kepada Aabar tetapi selepas itu dibatalkan. Dalam audited account tahun 2014 ada tulis dengan jelas lebih kurang USD1.2 bilion ditebus daripada Cayman Islands. Sebahagian besar ataupun USD993 juta terus pada hari yang sama juga digunakan untuk membayar opsyen yang dibatalkan.*

#### ■1210

*Adakah perkara ini diteliti ataupun disoal oleh pihak Lembaga Pengarah? How is it that we redeem the same day, we pay the same day, auditors sign the same day? And it is not a small sum, it is USD993 million.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Ini saya kurang pasti, tetapi secara prinsipnya saya rasa ini dipersetujui oleh board but the detailing part dan tarikh pembayaran saya kurang pasti Yang Berhormat.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *The tarikh pembayaran is all in the audited accounts.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Ya, saya kurang pasti Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** So jelas hari itu ditebus, hari itu dibayar sebahagian besar dan hari itu juga pihak *auditor* menandatangani laporan tersebut. *So, the board unclear on this matters.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya kurang pasti *on this part*, ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Okey. Adakah Lembaga Pengarah mengambil tahu bahawa 1MDB juga telah pun mengambil satu lagi pinjaman daripada Deutsche Bank sebanyak USD975 juta pada bulan September 2014 untuk tujuan yang sama iaitu untuk membayar balik *option* yang dibatalkan daripada Aabar.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Saya kurang pasti *whether it's for the option*. Saya rasa *options* satu sahaja. Ini mungkin bayar balik hutang tidak, Yang Berhormat? *No, kalau option cannot be two, maybe just you know.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *That's the conflict we a getting. So...*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *I have to check and can we you know...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ya.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *I don't have the answer. Let me go back to the management and will give you the information on this.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *I will just clarify a bit.* Pinjaman yang dibuat adalah pada bulan September 2014 atas tujuanlah untuk bayar balik *option*. Akan tetapi bulan November sekali lagi bila Cayman ditebus bayar macam sekali lagi. Rupanyalah pada permukaan macam bayar sekali lagi. *So, we are finding a conflict and we are trying to find out the details, why there are conflicts.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Yang Berhormat, *I think that question suppose to be answer by the management.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Management* boleh bagi satu jawapan. Pengarah...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tan Sri Pengerusi, *he only sit in the meeting. How can he explain to the...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *If we want to shorten the meeting* tidak perlu tanya macam itu. *Let me ask my question, if Tan Sri can answer, he can answer, if he cannot answer I accept.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *I will try to get the information and will give to you* Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Tadi bank ini sudah bayarkan pinjaman ini, Deutsche Bank ini? Masih ada?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sudah bayar.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Sudah bayar.

**Tuan Pengerusi:** Sudah selesaikan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sudah selesai. *I lost my question relating to that [Ketawa] Give me one second.* Dalam mesyuarat Lembaga Pengarah *12th January* dalam perkara yang saya bangkitkan tadi, pertama "*Chairman comment 2.4*". Lampiran 69. "*So chairman commented that in the past the Board had made certain decision by DCR without the benefit of deliberation including decision on guarantee of loans and the pledge of the redemption proceeds to Deutsche Bank.* So, bila 1MDB membuat pinjaman daripada Deutsche Bank, USD975 juta itu, Lembaga Pengarah tidak tahu bahawa segala pelaburan dalam Cayman Islands digunakan sebagai cagaran kepada pinjaman itu, butiran 2.4.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, soalnya sama ada kita sedar atau tidak *as a Board?*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *Its look like you did not know about it. So, I just wanted clarification.*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Kadang-kadang buat banyak komen Yang Berhormat tidak ingat [*Ketawa*] Saya cakap terang-terang *I can't*- saya tidak ingatlah berkenaan perkara ini. *I know its stated here. I could have made that statement but I can't recall in what context.* Maaf ya.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tan Sri, *SRC was supposed to be a subsidiary or 1MDB at one time. They borrowed RM2 billion from KWAP. The objective of course provides coal for strategic reserve. Kita tahulah ya. Akan tetapi eventually it was transferred to MoF. What is happening now?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, minta maaf saya tidak tahu berkenaan dengan apa yang...

**Tuan Pengerusi:** Saya ingat SRC ini bukan bidang kita, tidak payah tanyalah.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *SRC has got nothing to do with 1MDB?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *At the moment* tidak ada Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Akan tetapi Yang Berhormat Jasin *brought-up a good question.* Kenapakah SRC dijual? Sebenarnya SRC dapat pinjaman 4 bilion *disbursement* yang pertama Ogos 2011, *disbursement* yang kedua Mac 2012. RM2 bilion, RM2 bilion. Akan tetapi sebelum *disbursement* dekat Mac akhir Februari awal Mac SRC dijual kepada MoF. *So, it same alike very hot transaction.* Adakah perkara ini dibincangkan dalam Lembaga Pengarah dan apa sebab?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Kita tidak pasti berkenaan perkara ini. *It was a shareholder decision. Because kita- permulaan SRC, 1MDB selepas itu dijual kepada because...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** So, penjualan SRC kepada MoF...

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Mungkin mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah tetapi saya kurang ingat apa sebab kita jual balik kepada MoF. Mungkin *core business* tidak sama atau lain-lain. Saya kurang pasti.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sebab dalam minit yang kita adalah, mungkin ada minit yang kita tidak ada, tidak ada sebut langsung tentang perkara ini. *So, a transaction like that normally would require a discussion by Board.* Sekurang-kurangnya dimaklumkan kenapa hendak jual syarikat ini.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *Sorry* Yang Berhormat saya tidak...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *...Or you done without the board knowledge?*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *In another word now the KWAP money is save.*

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain:** Terima kasih Yang Berhormat. *On SRC ini kita pun tengah monitor very closely but as far as last week with our discussion dengan SRC punya management, the money is still very save but we need to check the detail lagi. Itu the current...*

**Tuan Pengerusi:** *SRC is not our... [Disampuk] 1MDB.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Ada, ada. 1MDB saya rasa pada satu tahun kebelakangan ini dalam keadaan *cash flow* yang rumit. *I think that one are acknowledge through out.* Kita selalu sebut kenapa tidak tebus Cayman Islands punya duit dan sebahagian lagi masih tinggal dalam unit di Singapura. Akan tetapi sebenarnya 1MDB ada satu lagi pinjaman USD3 bilion bawah 1MDB Global Investment Limited yang dimaklumkan dalam laporan audit, *audited accounts.* Setengah daripada itu, lebih kurang USD1.5 bilion masih berlabuh dalam beberapa *investment funds.* USD1.5 bilion. Kenapakah pelaburan itu tidak ditebus untuk membantu *cash flow* dalam syarikat? Terpaksa

pula buat pinjaman *emergency* daripada kerajaan dan lain-lain. *USD1.5 billion is about RM6 billion lebih kurang. It's a quite a lot of money that can help 1MDB. Why are they do not being redeem?*

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat saya difahamkan ini adalah sebahagian daripada *asset for cash* punya *swapping agreement* dengan IPIC.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Itu setelah *the swapping agreement has been...*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tan Sri, soal itu dulu kita ada pernah tanya dengan Shahrol berkenaan dengan mengurus...

#### ■1220

Saya tanya kepada Shahrol bahawa *external fund manager* itu dia tidak ada kepastian. Dia semua cakap dalam *managing* secara dalaman. Jadi apakah nasihat Tan Sri sebagai pengerusi dahulu? Adakah bercadang untuk duit-duit di luar ini di *manage* oleh *external fund manager*?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Yang Berhormat, *this is bit details. I pun sudah check dengan legal.* Dia orang pun tidak pasti. *So can we come back to you on- you know.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *I mean that's fair. Just a quick one that the questions don't seem to have a reason. So, the discussion in board also always about bringing back the money from Cayman.* Akan tetapi tidak pernah tanya kenapa tidak bawa balik *money on the 1.5 billion* bawah Global Investments. Sebab kita ada duit dekat sana. *We still have money there. How come we never think about... [Disampuk] Ya, bring it back* sebab kita tidak ada *cash* kan?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** *I had ya. I got to come back* Yang Berhormat ya. *I can't remember.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Okey. Okey. *Debt-asset swap. This is the next question are all rationalization debt-asset swap.* Kita faham bahawa IPIC telah setuju dengan *debt-asset swap* ini dan telah pun membayar USD1 bilion untuk membantu 1MDB menyelesaikan hutang kepada Deutsche. Akan tetapi, IPIC tidak tandatangan perjanjian tersebut secara butalah. Dalam perjanjian tersebut IPIC akan menanggung USD1 bilion dan lepas itu USD3.5 bilion, bon yang dijamin. Lepas itu, segala faedah yang dibayar kepada satu tahun yang akan datang. Jumlahnya lebih kurang USD4.7 bilion. Lebih kurangnya.

Dalam perjanjian tersebut, adakah Lembaga Pengarah beri maklum bahawa Kerajaan Malaysia juga telah pun memberikan *indemnity* pada pihak IPIC. Maksudnya, kalau 1MDB gagal untuk mengemukakan *or exchange* aset yang bernilai berpatutan dengan hutang yang diambil alih, Kerajaan Malaysia kena tanggung pampasan.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Soalannya Yang Berhormat sama ada kita sedar ya?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sama ada kita sedar dan perkara ini dibincangkan. Apakah pendapat daripada Lembaga Pengarah?

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Lembaga Pengarah memang sedar tetapi kita dimaklumkan bahawa kita mempunyai aset yang secukupnya untuk membayar atau menyelesaikan *the asset for cash swap* punya *agreement*. So, berpendapat juga bahawa tidak- jika semua ini dilaksanakan mengikut jadual, Kerajaan Malaysia mungkin tidak perlu membuat sebarang bayaran.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** *That one is for us* dari PAC. For 1MDB tidak apa, orang lain boleh bayar tetapi *for us* dalam PAC *is a very worrying statement*. Sebab kalau 1MDB tidak mampu, *tax payers got to pay. We still have to pay.* So, kita kena jaga *the tax payers and* bila kita teliti akaun 1MDB, kita tidak nampak aset yang mencukupi untuk membiayai hutang yang diambil alih oleh 1MDB iaitu USD4.7 bilion. *If we have, then we don't need this asset*

*swap deal*. Kita boleh jual aset sendiri, dapatkan *cash* bayar hutang. Kita tidak perlukan satu *swap* yang *complicated* dengan IPIC.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Itu satu *opinion* yang berbeza Yang Berhormat *because it's a-you may be right but from our perspective* kita rasa aset-aset ini mencukupi untuk membereskan perjanjian itu. Kalau tidak, mungkin IPIC pun dah dapati sukar untuk menandatangani perjanjian itu dan beri kita 1 bilion dan juga bersetuju untuk membayar *interest*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Sebab ada *indemnity* daripada Kerajaan Malaysia.

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin:** Betul, *but at the same time they also have to look at the detail of the asset* yang kita gunakan untuk *swap* dengan *cash*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee:** Mungkin dengan rakan-rakan saya dalam PAC, saya bimbang. Kenapakah? Sebelum ini bon 3.5 bilion dijamin oleh IPIC. IPIC sahaja. Kalau kita tidak bayar, IPIC kena bayar. Tidak ada masalah dengan Kerajaan Malaysia. Akan tetapi sekarang oleh sebab ada *debt-asset swap deal*, di mana Kerajaan Malaysia buat *indemnity* ,terpaksa pula kalau 1MDB tidak mampu bayar balik kepada IPIC, Kerajaan Malaysia kena bayar.

*So, it's actually worsen the situation for the government. That's our concern. Previously it's just direct guarantee by IPIC, nothing to do with Federal Government of Malaysia.* Akan tetapi sekarang ada *debt-asset swap* dan adanya *indemnity* yang ditandatangani oleh Kementerian Kewangan, kita pula kena sangkut dengan perjanjian tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Okey macam anak berhutanglah, bapa kena [*Ketawa*] Tidak, memang *I mean jokingly*. Anak berhutang bapa kena *guarantee*.

**Seorang Ahli:** Tanggung.

